

KEBATILAN AKIDAH SYI'AH

Dan

Menjelaskan Penyelewengan Penganutnya Serta Pembohongan Yang Direka-reka
Ke Atas Islam Daripada Sumber Rujukan Utama Mereka

SIRI 1

KEBATILAN AKIDAH SYI'AH

Dan Menjelaskan Penyelewengan Penganutnya Serta Pemboghongan Yang Direka-reka Ke Atas Islam Daripada Sumber Rujukan Utama Mereka
Samahah Al-Syeikh Muhammad Abdul Sattar Al-Tunsawi

Cetakan kedua: 2012M/1433H

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin daripada pihak penerbit iaitu
Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah,
Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

Jainal Sakiban,
Kebatilan Akidah Syi'ah
Dan Menjelaskan Penyelewengan Penganutnya Serta Pemboghongan Yang Direka-reka Ke Atas Islam Daripada Sumber Rujukan Utama Mereka
ISBN 978-967-5987-02-1

Penyemak dan penyunting
Ustaz Nujaimi bin Muhamad
Jabatan Mufti Johor

Diterbitkan oleh:
Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah,
Majlis Agama Islam Negeri Johor.
Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar,
Karung Berkunci 725,
80990 Johor Bahru.

Atur huruf dan setting
Al-Jauhari

Dicetak oleh:
Master Gifts Sdn Bhd.




KEBATILAN AKIDAH SYI'AH

Dan

Dan Menjelaskan Penyelewengan Penganutnya Serta Pembohongan Yang Direka-
reka Ke Atas Islam Daripada Sumber Rujukan Utama Mereka

بُطْلَانُ عَقَائِدِ الشَّيْعَةِ وَبَيَانُ زَيْغِ مُعْتَنِقِيهَا وَمُفْتَرِيَاتِهِمْ عَلَى الْإِسْلَامِ مِنْ مَرَاجِعِهِمُ الْأَسَاسِيَّةِ



Samahah Al-Syeikh Muhammad Abdul Sattar Al-Tunsawi
Pengerusi Kesatuan Ahli Sunnah Pakistan

Penterjemah
Haji Jainal Sakiban Al-Jauhari

KATA ALUAN-ALUAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ،
وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ
فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ أَرْسَلَهُ
بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا بَيْنَ يَدَيْ السَّاعَةِ - مَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ
فَقَدْ رَشِدَ وَمَنْ يَعَصِمُهُمَا فَإِنَّهُ لَا يَضُرُّهُ إِلَّا نَفْسُهُ وَلَا يَضُرُّ اللَّهَ
شَيْئًا. أَمَّا بَعْدُ ...

Segala puji bagi Allah, kami memujiNya, mohon keampunanNya, beriman kepadaNya dan bertawakkal kepadaNya. Kami mohon perlindungan dengan Allah daripada kejahatan diri dan amalan yang buruk. Sesiapa yang diberikan petunjuk oleh Allah maka dia tidak akan sesat, dan siapa yang disesatkanNya maka tidak ada pertunjuk baginya. Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah sahaja tidak ada syirik bagiNya, dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad SAW itu hamba dan pesuruhNya yang diutuskanNya dengan sebenar untuk memberi basyir dan nadzir hingga hari kiamat. Sesiapa yang taatkan Allah dan rasulNya maka sesungguhnya berbahagialah dia, dan sesiapa yang derhaka kepada keduanya ia tidak memberikan sebarang mudharat kecuali kembali kepada dirinya sendiri, sedangkan ia tidak memberi sebarang mudharat kepada Allah SWT.

Allah berfirman dalam surah Al-Maidah ayat 78:

لُعِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاوُدَ وَعِيسَى
 ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾ كَانُوا لَا
 يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

“Orang-orang kafir Yahudi dari Bani Isra'il telah dila'nat (di dalam Kitab-kitab Zabur dan Injil) melalui Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan munkar (derhaka dan ceroboh), yang mereka lakukan). Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan.”

Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ
 لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ. رواه مسلم.

“Barangsiapa yang melihat kemungkaran maka hendaklah dibubah dengan tangannya, jika sekiranya tidak mampu, maka hendaklah diubah dengan lisannya, jika sekiranya tidak mampu, maka hendaklah diubah dengan hatinya, yang demikian itu adalah selemah-lemah iman. Riwayat Muslim.”

Sebesar-besar kemungkaran yang paling bahaya, yang paling merosakkan iman dan paling bahaya ke atas agama ialah fitnah Syi'ah Rafidhah yang para pengikutnya menyeru di setiap tempat untuk mengamalkan ajaranya itu dengan menzahirkan

kepada orang awam bahawa yang batil itu sebenarnya adalah Islam itu sendiri. Syi'ah mendakwa di sana tidak ada perbezaan yang ketara antara Syi'ah dengan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah empat yang masyhur. Perbezaan antara Syi'ah dengan Ahli Sunnah hanyalah kecil sahaja pada perkara cabang bukan perkara pokok ujarnya.

Sebenarnya kedudukan perkara bukanlah sebagaimana yang didakwa, kerana perbezaan antara Syi'ah dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan perkara pokok dan asas akidah yang begitu kritikal sekali di mana ia boleh terkeluar daripada agama Islam.

Kebanyakan penganut Ahli Sunnah tidak menyedari perbezaan yang begitu asas, malahan kebanyakan penganut Syi'ah sendiri tidak mengetahui tentang kebatilan akidah mereka sendiri, kerana ulama Syi'ah tidak menyebarkan kitab rujukan asasi yang menjadi asas pegangan mereka di kalangan orang awam.

Justeru penuntut kami Samahah al-Syeikh Muhammad Abdul Satar al-Tunsawi, Pengerusi Kesatuan Ahli Sunnah di Pakistan telah mengumpulkan akidah-akidah Syi'ah yang penting dan bercanggah dengan al-Quran dan sunnah Nabi SAW dalam satu karangan ringkas dan padat sehingga orang awam mengetahui dengan jelas mengenai fahaman Syi'ah al-Ja'fariyah dengan mendedahkan kepalsuan dan kebatilannya.

Bahawa Allah telah memperkenankan penerbitan buku ini yang disusun dalam bentuk yang padat dan begitu berharga.

Samahah al-Syeikh Muhammad Abdul Satar al-Tunsawi adalah keluaran Universiti Deuban al-Islamiah tahun 1946, di mana gurunya ialah al-Allamah Syeikhul Islam al-Syed Hussin Ahmad al-Madani yang menyarankan ketika beliau melihat tumpuannya

kepada akidah Syi'ah secara khusus, supaya selepas keluar universiti beliau pergi ke Laknau untuk menimba pengetahuan dari imam Ahli Sunnah al-Syeikh Abdul Syukur al-Laknawi dalam bidang ini.

Beliau ke Luknau pada tahun 1947 dan tinggal bersama Syeikh al-Laknawi beberapa bulan untuk tujuan menolak fahaman Syi'ah. Ramai penuntut yang belajar dengan beliau dalam bidang ini. Selepas India dibahagi kepada dua iaitu India dan Pakistan, beliau melawat ke Najaf, Karbala dan Tahran serta menziarahi pusat-pusat pengajian Syi'ah untuk mendapatkan kitab-kitab dan sumber rujukan mereka yang tidak dapat ditemui di Laknau, kemudian beliau kembali ke Pakistan. Sejak dari saat itu beliau telah berusaha melalui mimbar Kesatuan Ahli Sunnah dalam lapangan ini, akhirnya beribu-ribu penganut Syi'ah telah bertaubat dengan sebab bimbingannya. Beliau juga telah berdebat dengan tokoh-tokoh ulama Syi'ah dan berjaya mengalahkan hujah-hujah mereka dengan izin Allah SWT sehingga orang-orang Syi'ah sangat menghormatinya dan tidak berani untuk berdebat dengannya lagi.

Risalah yang kecil bentuknya ini amat bernilai dari segi isi kandungannya, kami berdoa kehadiran Allah SWT dapat menerima sumbangannya dengan penerimaan yang baik dan menjadikannya sebagai sebab mendapat hidayah kepada hamba-hambanya dengan kebelihan dan kemuliaannya. Semoga Allah mencucuri rahmat dan kesejahteraan ke atas Nabi Muhammad SAW, keluarganya dan para sahabatnya sekalian.

Abdul Hafiz Malik Abdul Haq
Makkah al-Mukarramah
12 Zulhijah 1403

PENGANTAR

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ. وَعَلَى آلِهِ الطَّيِّبِينَ وَأَصْحَابِهِ الْبَرَّةِ وَأَزْوَاجِهِ أُمَّهَاتِ
الْمُؤْمِنِينَ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ .

Ini merupakan pendedahan yang ringkas diharapkan keredhaan Allah SWT dan nasihat kepada saudara-saudara muslim untuk menjadi sumber hidayah bagi mereka yang mencari kebenaran dan cahaya keredhaan bagi mereka yang mencari jalan yang lurus. Ya Allah tunjukkanlah kepada kami kebenaran dan kurniakanlah kepada kami untuk mengikutinya, dan tunjukkanlah kepada kami kebatilah dan kurniakanlah kepada kami untuk menjauhinya.

Firman Allah:

فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَارُ وَلَكِنْ تَعْمَى الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ

“(Tetapi kalaulah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada.” (Al-Haj: 46).”

Firman Allah:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ
عَنْ سَبِيلِهِ .^ج

“Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam).” (Al-An’am: 153)

FirmanNya lagi:

أَفَرَأَيْتَ مَنْ آتَّخَذَ إِلَهَهُ هَوْنَهُ

“Dengan yang demikian, bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya: Tuhan yang dipatuhinya.” (Al-Jathiah: 23)

إِنَّ الَّذِينَ فَرَّقُوا دِينَهُمْ وَكَانُوا شِيَعًا لَسْتَ مِنْهُمْ فِي شَيْءٍ

“Bahawasanya orang-orang yang mencerai-beraikan agama mereka (dengan perselisihan-perselisihan yang berdasarkan hawa nafsu), dan mereka menjadi berpuak-puak, tiadalah engkau terkait sedikitpun dalam (perbuatan) mereka.” (Al-An’am: 159)

Rasulullah SAW bersabda:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ.

“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang teguh dengan kedua-duanya, iaitu kitab Allah (Al-Quran) dan sunnah nabiNya.” (Riwayat Imam Malik dalam al-Muwattha’).

Sabdanya lagi:

سَتَنْفَرُقُ أُمَّتِي إِلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً كُلُّهَا فِي النَّارِ إِلَّا مِلَّةً

وَاحِدَةً قِيلَ: مَا هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: هِيَ مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي.

Umatku akan berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan, kesemuanya masuk neraka kecuali satu sahaja, ditanya, siapa dia ya Rasulullah? Baginda bersabda: Dia ialah mereka yang mengikut akidah dan pengajaranku dan para sahabatku. (Riwayat At-Tirmizi).

Sabdanya lagi:

إِذَا رَأَيْتُمُ الَّذِينَ يَسُبُّونَ أَصْحَابِي فَقُولُوا: لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى شِرْكِكُمْ.

“Jika sekiranya kamu melihat orang yang melaknat para sahabatku, maka katakanlah kepada mereka: Laknat Allah ke atas kejahatan kamu.” (Riwayat At-Tirmizi).

Sabdanya lagi:

إِذَا ظَهَرَتْ الْبِدْعُ وَلَعَنَ آخِرُ هَذِهِ الْأُمَّةِ أَوْلَهَا ، فَمَنْ كَانَ عِنْدَهُ عِلْمٌ فَلْيَنْشُرْهُ ، فَإِنْ كَاتَمَ الْعِلْمُ يَوْمَئِذٍ كَكَاتِمٍ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ .

“Apabila lahirnya bid'ah dan akhir umat ini melaknat umat yang dahulu, maka sesiapa yang mempunyai ilmu pengetahuan maka sebarkanlah, jika dia menyembunyikan ilmu ketika itu seolah-olahnya dia menyembunyikan apa yang diturunkan oleh Allah ke atas utusannya Nabi Muhammad SAW.” (Riwayat Bin Asakir).

Sabdanya lagi:

إِذَا لَعَنَ آخِرُ هَذِهِ الْأُمَّةِ أَوْلَهَا فَمَنْ كَتَمَ حَدِيثًا فَقَدْ كَتَمَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ

“Jika umat akhir zaman melaknat umat yang dahulu, maka sesiapa yang menyembunyikan hadis maka dia telah menyembunyikan apa yang diturunkan oleh Allah.” (Riwayat Bin Majah).

Tidak dapat disembunyikan lagi, bahawa di zaman ini begitu ramai sekali orang yang menjadi kafir, melencong dari jalan yang sebenar, fasik, mengamalkan bid'ah dan mencela Islam dan syiarnya. Di zaman para sahabat Nabi SAW dan tabi'in r.a telah berlaku banyak fitnah di mana orang-orang yang pegangannya batil cuba menyesatkan orang lain dengan pendapat-pendapat mereka yang sesat, mengubah agama Allah dan menyelewengkan kitab Allah dengan nama Islam tanpa malu dan segan, mereka menghina Islam, fasik, pura-pura beriman, cabul dan lucah atas nama agama Islam yang suci.

Fitnah paling bahaya dan paling merosak sekali ialah fitnah Rafidhah dan Syi'ah untuk mempengaruhi mereka yang jahil dan mereka yang cetek ilmu pengetahuan agamanya kepada Syi'ah dengan alasan cintakan ahlu bait dan imam-imamnya. Penganut Syi'ah telah berusaha menyebar luas dan menjaja fahaman Syi'ah dalam bentuk yang amat merbahaya sekali, iaitu menggunakan segala kemudahan terkini untuk mencapai tujuan. Mereka sanggup mengorbankan wang ringgit dan barangan berharga, dan menggunakan apa sahaja tipu daya dan muslihat untuk mencapai matlamat. Ya Allah jadikanlah kami sebagai penghalang mereka dan kami berlindung daripada kejahatan mereka.

Menjadi kewajipan kepada para pendakwah, para pejuang dan para ulama secara umum untuk membongkar hakikat fahaman yang menyeleweng ini dan menjelaskan kepalsuan dan kebatilannya kepada orang ramai, supaya mereka dapat mempertahankan iman dan akidah mereka.

Wahai para ulama Islam, wahai para pemimpin umat Islam, menjadi tanggungjawab kalian yang paling agung sekali untuk

mempertahankan agama Islam yang hak dengan menghancurkan dan membunuh bibit-bibit fahaman yang menyeleweng ini, kerana di bahu anda tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah ini. Bertakwalah kepada Allah pada diri kamu dan setiap orang Islam untuk menentang kebatilan daripada menyebarkan racunnya dan mengembangkan sayapnya dengan tujuan mengubah akidah umat Islam daripada yang hak kepada yang batil.

Adakah anda telah sampaikan ... mudah-mudahan Allah telah menyaksikan ... Apa yang jelas bahawa fitnah Syi'ah ini telah ditiupkan oleh Abdullah bin Sabak seorang Yahudi yang menjadi bapak munafik, menjadi musuh kepada agama Islam dan penganutnya. Zararah, Abi Bashir, Abdullah bin Ya'fur, Abi Mukhnaf Luth bin Yahya dan lain-lain lagi merupakan pembohong yang licik bertujuan untuk menghancurkan Islam dan memecah-belahkan perpaduan umat Islam.

Mereka mengaitkan akidah Syi'ah ini dengan Saidina Ali bin Abi Thalib secara dusta sedangkan beliau sebenarnya tidak ada kaitan langsung dengan apa yang didakwa oleh mereka semua, kerana Saidina Ali merupakan tokoh Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Saidina Ali dan keluarganya sehingga kepada Ja'far Sadiq r.a dibesarkan di Madinah al-Munawwarah dalam suasana iman dan Islam, kitab dan sunnah. Semua yang dilakukan dari segi ibadat dan sebagainya adalah selaras dengan amalan kebanyakan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Ketika orang Syi'ah ditanya mengenai Saidina Ali dan cucu cicitnya, adakah mereka dari kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan beramal dengan amalannya? Adakah kehidupan mereka sama dengan kehidupan Ahli Sunnah Wal Jamaah? Syi'ah menjawab, bahawa mereka mengamalkan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah hanyalah kerana taqiyyah (pura-pura sahaja), sedangkan mereka pada bila-bila masa sama ada siang atau malam duduk bersama

dengan pengikut-pengikutnya dan memberikan tunjuk ajar dan bimbingan mengenai mazhab Syi'ah.

Seorang muslim yang berakal dan insaf bingung mengenai jawapan Syi'ah ini, jika sekiranya boleh diterima, ini bermakna imam-imam Syi'ah hidup selama 23 jam dalam keadaan batil dan hanya satu jam sahaja dalam keadaan yang betul. Ini semua adalah pembohongan dan dusta yang diada-adakan oleh Syi'ah ke atas Saidina Ali r.a, semoga Allah melaknat ke atas orang-orang yang berdusta.

Dalam hubungan ini, suka dijelaskan lima akidah mereka yang batil secara ringkas, kemudian dihurai secara terperinci dengan merujuk kitab-kitab dan sumber rujukan asasi yang menjadi pegangan mereka untuk menjelaskan pendekatan yang mereka gunakan dan untuk mengetahui kepalsuan dan kebatilan mereka, iaitu:

1. Akidah syirik dengan Allah seperti Yahudi, Nasrani dan semua kaum musyrikin.
2. Akidah al-Bada' yang menunjukkan Allah itu jahil iaitu Allah mengetahui sesuatu selepas tidak tahu.
3. Akidah maksumnya imam-imam Syi'ah dua belas yang menyalahi akidah kesudahan para nabi iaitu Nabi Muhammad SAW.
4. Akidah al-Quran yang ada pada hari ini telah diselewengkan dan ditokok tambah, ia merupakan akidah yang paling rosak sekali yang boleh membawa mereka keluar daripada agama Islam.
5. Akidah menghina Rasulullah SAW, menghina Saidina Ali, Hassan dan Hussin r.a.

Muhammed Abdul Sattar al-Tunsawi
Nazil Darul Ulum al-Arabiah al-Islamiah
Holcombe Bury, United Kingdom
4 Zulqaedah 1403.

SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ . وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ.

Umat Islam hari ini terdedah kepada berbagai penyelewengan akidah, syariah dan akhlak. Ini berpunca daripada wujudnya gerakan dan pengembang ajaran yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah memberikan tumpuan kepada negara kita sebagai satu-satunya negara Islam yang banyak memberikan inspirasi kepada masyarakat Islam dari segi penghayatan agama, kukuhnya sosio-ekonomi, politik dan sebagainya.

Antara fahaman terkini yang nampaknya semakin mempengaruhi masyarakat tanpa disedari ialah fahaman Syi'ah yang kini berani mencabar pihak berkuasa secara terancang dan terang-terangan melalui penerbitan risalah, pengedaran buku-buku dan sebagainya.

Untuk mendedahkan fahaman yang dibawa oleh pihak-pihak tertentu yang fahamannya bercanggah dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah, risalah ini dapat memberikan penjelasan mengenai kebatilan akidah Syi'ah, kerana ia dinukil oleh pengarang melalui kitab-kitab yang menjadi sumber rujukan utama mereka, dengan mendedahkan apa yang dipegangnya itu adalah bercanggah dengan ajaran Al-Quran dan sunnah Nabi SAW yang sebenar.

Sebanyak 5 daripada 17 tajuk berkaitan dengan akidah Syi'ah yang dipaparkan dalam siri 1 ini memetik fahaman dan pegangan mereka berdasarkan kitab-kitab Syi'ah dan bukan dari sumber yang lain. Manakala bakinya diterbitkan dalam siri ke 2.

Perbezaan antara Ahli Sunnah dengan Syi'ah ini berpunca dari sumber rujukan yang digunakan. Ahli Sunnah menggunakan Al-Quran dan hadis sahih daripada Nabi SAW, tetapi mereka mendakwa mempunyai Al-Quran sendiri yang lain daripada AlQuran Al-Karim yang kita gunakan dan diterima oleh umat Islam seluruh dunia. Demikian juga mereka mendakwa mempunyai hadis sendiri berbeza dengan hadis yang diiktiraf oleh jumhur ulama di seluruh dunia dari dahulu hingga ke hari ini. Sedangkan hadis mengikut Syi'ah tidak semestinya sampai kepada Nabi SAW, malahan sampai kepada imam-imam mereka sahaja sudah dikira hadis sahih, yang penting daripada imam, kerana mereka mendakwa imam adalah maksum dan tarafnya sama dengan Nabi SAW, malahan terkadang lebih tinggi kedudukannya daripada Nabi Muhammad SAW sendiri.

Diharapkan, penjelasan dari risalah terjemahan ini dapat membantu masyarakat membuka minda dan mengenal pasti bahawa ajaran yang dibawa oleh Syi'ah itu tidak sesuai diamalkan di negara kita, kerana fahamannya banyak bercanggah dengan akidah, syariah dan akhlak umat Islam yang sebenar.

Kepada Allah dipohonkan taufik dan hidayah, semoga umat Islam di Johor tidak akan terpengaruh dengan fahaman Syi'ah, khususnya Syi'ah ar-Rafidhah yang mempunyai dua belas imam. Sekian.

DATO' HAJI M TAHRIR BIN DATO' HAJI SAMSUDIN
Mufti Negeri Johor.

Jabatan Mufti Johor
13 Zulhijjah 1433H bersamaan 29 Oktober 2012.

INTISARI KANDUNGAN

✓	Kata aluan-aluan	4
✓	Pengantar	8
✓	Sekapur sirih SS. Mufti Negeri Johor	14
✓	Intisari Kandungan	16
✓	Kitab Rujukan Syi'ah	17
1.	Akidah syirik dengan Allah SWT	37
2.	Akidah al-Bada'	49
3.	Akidah maksum imam yang dua belas	54
4.	Akidah Al-Quran yang digunakan oleh umat Islam hari ini sudah diselewengkan dan ditokok tambah	64
5.	Akidah menghina Nabi SAW	85

KITAB RUJUKAN SYI'AH



Sebelum membicarakan mengenai penyelewengan dan kebatilan akidah Syi'ah, penterjemah ingin memberikan gambaran secara ringkas mengenai kitab-kitab atau sumber-sumber rujukan utama yang digunakan oleh ulama Syi'ah dalam membicarakan tentang Islam dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, supaya pembaca dapat mengetahui dengan lebih dekat lagi sikap dan pegangan mereka.

Orang Syi'ah berpegang teguh dengan kitab-kitab ulama mereka sebagai sumber rujukan utama yang dianggapnya seperti Hadis Sunan Sittah selepas Al-Quran bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah (Sunni). Bagi Syi'ah Imamiyah, terdapat empat buah kitab yang terkenal di kalangan mereka atau disebut: "Kitab-Kitab Empat Yang Shahih ". Kitab tersebut adalah seperti berikut:

Kitab Pertama: AL-KAFI

Kitab ini dikarang oleh Al-Kulaini. Al Kulani ialah Abu Ja'far Muhammad bin Ya'qub bin Ishaq al-Kulaini al-Razi. Beliau dilahirkan di sebuah kampung bernama al-Kulain atau al-Kulin di Iran. Beliau adalah di antara kalangan ulama yang masyhur di Ray, Iran. Kemudian beliau telah berpindah ke Baghdad kerana menjadi ketua ulama kepada pengikut Syi'ah Imam Dua Belas di sana semasa pemerintahan al-Muqtadir. Beliau hidup di zaman *sufaraa'* (wakil-wakil Imam al-Mahdi) dan meninggal dunia di Kufah pada tahun 328/329 Hijrah bersamaan 939/940 Miladiyah. Jumlah riwayat kitab Al-Kafi mengandungi 16,099, seperti diterangkan dalam kitab [A'yanus Syi'ah, jilid 1 hal. 280].

Antara buku yang ditulis oleh beliau ialah: Usul al-Kafi (Asas asas yang mencukupi), Kitab ar-Rijaal, ar-Radd 'ala al-Qaramitah dan lain-lain lagi. Buku beliau yang paling masyhur adalah al-Kafi yang telah menulis buku ini selama dua puluh tahun. Buku al-Kafi boleh dibahagikan kepada tiga bahagian.

Bahagian pertama

Al-Kafi membincangkan mengenai Usul yang mengandungi lapan bab (kutub) seperti kitab akal dan kejahilan, kitab kelebihan ilmu, kitab tauhid, kitab al-hujjah (kitab ini), kitab iman dan lain-lain, dinamakan al-Usul min al-Kafi atau Usul al-Kafi.

Bahagian kedua

Al-Kafi atau Furu' membincangkan tentang furu'(cabang) yang mengandungi dua puluh enam (26) bab (kutub) seperti kitab kebersihan, kitab sembahyang, kitab haid, kitab jenazah, kitab puasa, kitab haji dan lain-lain, maka ia dinamakan al-Furu' min al-Kafi.

Bahagian ketiga

Raudhat al-Kafi membincangkan mengenai Furu', Usul secara ringkas, alam semesta, rawatan penyakit dan lain-lain lagi yang mengandungi lima ratus sembilan puluh tujuh (597) hadis, maka ia dinamakan Raudhat al-Kafi. Adapun Kitab al-Hujjah mengandungi 1015 hadis para imam Ahlul Bait a.s. Ia mengandungi 130 bab yang membincangkan tentang keperluan kepada seorang imam, dunia tidak sunyi daripada seorang imam, imam dua belas, wasiat Rasulullah SAW tentang imamah (keimpinan), keghaiban imam, sejarah para imam, keilmuan mereka dan lain-lain. Kitab al-Hujjah adalah kitab penghujahan para imam tentang imamah. (aburedza.wordpress.com/category/rujukansyah/ - diterjemahkan pada 15 Jun 2009).

Kitab Al-Kafi dipuji setinggi langit oleh ulama-ulama Syi'ah, antaranya:

“Kitab pertama dan yang paling sahih di antara kitab-kitab Syi'ah adalah Al-Kafi.” Ini disebutkan dalam kitab Adz Dzari'ah, [jilid 17 hal. 245], Mustadrak Al-Wasa'il, [jilid 3 hal. 432], Wasa'il Asy-Syi'ah, [jilid 20 hal 71].

Kitab-kitab di atas menyebutkan bahawa kitab Al-Kafi adalah kitab yang tershahih dari empat kitab utama mereka, kerana kitab Al-Kafi ditulis pada era ghaibah sughra (ghaib kecil), kerana pada era ghaibah sughra, imam Mahdi masih dapat dihubungi melalui “duta yang empat” yang dapat berhubungan dengan imam tersebut.

Kitab Al-Kafi telah disyarahkan oleh para ulama Syi’ah, di antaranya adalah Al-Majlisi -penulis Biharul Anwar- yang menulis penjelasan kitab Al-Kafi dan diberi judul Mir’atul Uqul. Dalam kitabnya itu al-Majlisi juga telah menilai sanad hadis Al-Kafi, di antara hadis yang dianggapnya sahih adalah hadis yang menerangkan bahawa Al-Qur’an telah diubah. Berikut terjemahan nukilan dari Mir’atul Uqul:

“Kitab yang paling sahih dalam mazhab Syi’ah adalah kitab Al-Kafi yang disusun oleh Al-Kulaini, di mana beliau menyatakan dalam pengantar kitabnya: Saya katakan kamu ingin memiliki kitab yang lengkap, berisi ajaran ilmu agama yang lengkap bagi pelajar dan dijadikan rujukan bagi mereka yang ingin mencari petunjuk, menjadi rujukan atau referensi bagi mereka yang ingin mencari ilmu agama dan mengamalkannya dengan riwayat yang sahih dari orang-orang yang jujur.” [pengantar Al-Kafi, hal 7].

Ali Akbar Al-Ghifari, pentahqiq kitab Al-Kafi menyatakan: Mazhab Imamiyah sepakat bahawa seluruh isi kitab Al-Kafi adalah sahih.

قَالَ الشَّيْخُ الْمُفِيدُ : الْكَافِي وَهُوَ مِنْ أَجْلِ كُتُبِ الشَّيْعَةِ وَأَكْثَرِهَا
فَائِدَةٌ (تَصْحِيحُ الْإِعْتِقَادِ : 27)

As-Syeikh Al-Mufid berkata: Al-Kafi adalah dari bilangan kitab-kitab Syi'ah yang paling mulia dan paling banyak manfaatnya. (Tashih al-I'tiqad, hal. 27)

وَقَالَ الْمُحَقِّقُ عَلِيُّ بْنُ الْعَالِي الْكُرْكِيُّ ، فِي إِجَازَتِهِ لِلْقَاضِي صَفِيِّ
الدِّينِ عَيْسَى : الْكِتَابُ الْكَبِيرُ فِي الْحَدِيثِ ، الْمُسَمَّى بِالْكَافِي ، الَّذِي
لَمْ يُعْمَلْ مِثْلُهُ ... وَقَدْ جَمَعَ هَذَا الْكِتَابُ مِنَ الْأَحَادِيثِ الشَّرْعِيَّةِ
وَالْأَسْرَارِ الدِّينِيَّةِ مَا لَا يُوجَدُ فِي غَيْرِهِ (بِحَارُ الْأَنْوَارِ : ج 1 ص 67)

Al-Muhaqqiq Ali bin Abdil-Ali Al-Karki ketika menyampaikan ijazahnya kepada Al-Qadhi Shafiyiddin Isa telah berkata: Kitab ini merupakan sebuah kitab yang paling besar dalam hadis, yang bernama Al-Kafi, yang tidak pernah dibuat seperti ini, kitab ini telah menghimpunkan mengenai syariat dan rahsia-rahsia agama yang tidak terdapat di dalam kitab yang lain. (Biharul Anwar, 1/67).

وَقَالَ الْفَيْضُ الصَّافِي : الْكَافِي... أَشْرَفُهَا وَأَوْثَقُهَا وَأَتْمُهَا وَأَجْمَعُهَا؛
لِاشْتِمَالِهِ عَلَى الْأُصُولِ مِنْ بَيْنِهَا، وَخُلُوهِ مِنَ الْفُضُولِ وَشَيْنِهَا (الْوَافِي : ج
١ ص ٦ طبعة طهران ١٣٢٤)

“Al-Faidh as-Shofi mengatakan: Al-Kafi merupakan kitab yang paling mulia, yang paling benar, yang paling sempurna dan paling lengkap di antara kitab yang lain, kerana di dalamnya mengandungi ilmu usuluddin dan di dalamnya tidak terdapat perkara yang keterlaluan dan sebarang kecacatan.”
(Al-Wafi: 1/6, cetakan Tehran 1324 H)

وَقَالَ الْمَجْلِسِيُّ: كِتَابُ الْكَافِي...أَضْبَطُ الْأُصُولِ وَأَجْمَعُهَا،
وَأَحْسَنُ مُؤَلَّفَاتِ الْفِرْقَةِ النَّاجِيَةِ وَأَعْظَمُهَا (مِرَاةُ الْعُقُولِ: ج ١ ص
٣)

“Al-Majlisi mengatakan: Al-Kafi Sebuah kitab usul yang paling jitu dan sempurna, yang paling baik dan paling agung di antara kitab-kitab karangan golongan orang yang selamat dari api neraka.” (Mir'aat al-Uqul: 1/3).

وَقَالَ الْمَوْلَى مُحَمَّدٌ أَمِينُ الْإِسْتِرَابَادِيِّ فِي الْفَوَائِدِ الْمَدَنِيَّةِ : وَقَدْ
سَمِعْنَا عَنْ مَشَائِخِنَا وَعُلَمَائِنَا أَنَّهُ لَمْ يُصَنَّفْ فِي الْإِسْلَامِ كِتَابٌ
يُؤَارِيهِ أَوْ يُدَانِيهِ (مُسْتَدْرَكُ الْوَسَائِلِ: ج ٣ ص ٥٣٢)

“Al-Mula Muhammad Amin Al-Istarabadi dalam kitab Al-Fawaid Al-Madaniyah telah berkata: Kami telah mendengar dari guru-guru dan ulama-ulama kami, bahawa tidak pernah dibuat dalam Islam kitab yang dapat menyamai atau menandinginya.”
(Mustadrak Al-Wasail: 3/532).

وَقِيلَ فِيهِ : هُوَ أَجَلُ الْكُتُبِ الْأَرْبَعَةِ، الْأُصُولُ الْمُعْتَمَدَةُ عَلَيْهَا لَمْ يُكْتَبْ مِثْلُهُ فِي الْمَنْقُولِ مِنْ آلِ الرَّسُولِ، لِثِقَةِ الْإِسْلَامِ مُحَمَّدِ بْنِ يَعْقُوبَ الْكَلِينِي الرَّازِي الْمُتَوَفَى سَنَةَ ٣٢٨ (الذَّرِيعَةُ إِلَى تَصَانِيفِ الشِّيْعَةِ: ١٧ ص ٢٤٥)

“Dikatakan mengenainya: Kitab ini merupakan kitab yang paling mulia di antara keempat-empat kitab tersebut, ia sebagai kitab usul (asas) yang menjadi ikutan, tidak pernah ditulis sepertinya yang dinukil dari keluarga Rasulullah, yang ditulis oleh ulama yang teguh pegangan Islamnya, yaitu Muhammad Bin Ya'kub Al-Kulaini Ar-Razi meninggal dunia tahun 328H.” (Adz-Zari'ah Ila Tashonif al-Syi'ah, Agha Bazrak At-Tohrani: 17/245).

وَقَالَ حُسَيْنٌ عَلَى الْمُقَدَّمِ عَنِ الْكَافِي: يَعْتَقِدُ بَعْضُ الْعُلَمَاءِ أَنَّهُ عَرَضَ عَلَى الْقَائِمِ صَلَوَاتُ اللَّهِ عَلَيْهِ فَاسْتَحْسَنَهُ وَقَالَ: كَافٍ لَشِيعَتِنَا (مُقَدِّمَةُ الْكَافِي) .

“Husin Ali Al-Muqaddam mengatakan mengenai kitab Al-Kafi: Sebahagian dari ulama (Syi'ah) percaya bahawa (Al-Kafi) dipersembahkan kepada Al-Qaim (Imam mereka yang gaib) semoga dicucuri rahmat Allah ke atasnya di mana ia amat menyukainya dan dia mengatakan, cukup (kitab ini) untuk penganut Syi'ah.” (Pendahuluan Al-Kafi). Perhatian, erti "Al-Kafi" ialah "yang mencukupi", atau yang lengkap.

وَيَقُولُ عَبْدُ الْحُسَيْنِ شَرَفُ الْمُوسَوِيِّ عَنِ الْكُتُبِ الْأَرْبَعَةِ: هِيَ الْكَافِيُ
وَالْتَهْذِيبُ وَالْإِسْتِبْصَارُ وَمَنْ لَا يَحْضُرُهُ الْفَقِيهُ، وَهِيَ مُتَوَاتِرَةٌ وَمَضَامِينُهَا
مَقْطُوعٌ بِصِحَّتِهَا وَالْكَافِيُ أَقْدَمُهَا وَأَعْظَمُهَا وَأَحْسَنُهَا وَأَثْقَنُهَا
(المراجعات: ص ١١٠)

*“Abdul Husain Syaraf Al-Mausawi telah berkata mengenai keempat-empat kitab Syi’ah, iaitu **Al-Kafi, At-Tahzib, Al-Istibshor dan Man La Yahduruha Faqih**, kitab-kitab tersebut ujarnya adalah mutawatir dan kandungannya dijamin kebenarannya. Kitab Al-Kafi pula adalah kitab yang paling utama, paling agung, paling bagus dan paling sempurna.” (Al-Muraja’at, hal. 110).*

Apa yang disebutkan di atas adalah pujian ulama Syi’ah terhadap kitab Al-Kafi yang tidak perlu disangkal lagi. Seterusnya kita lihat bagaimana pujian mereka terhadap Al-Kulaini pengarang kitab Al-Kafi pula:



قَالَ النَّجَّاشِيُّ : شَيْخُ أَصْحَابِنَا فِي وَقْتِهِ بِالرَّيِّ، وَوَجْهُهُمْ وَكَانَ
أَوْثَقُ النَّاسِ فِي الْحَدِيثِ وَأَثْبَتُهُمْ (الرَّجَالُ لِلنَّجَّاشِيِّ : ص ٢٦٦)

“An-Najjasyi mengatakan: Al-Kulaini merupakan guru kawan-kawan kami pada zamannya di negeri Ar-Ray, dan orang yang terkenal di kalangan mereka, beliau adalah orang yang paling dipercayai mengenai hadis dan paling pasti kebenarannya di antara mereka.” (Kitab Ar-Rijal oleh An-Najjasyi, hal. 266).

وَقَالَ السَّيِّدُ رَضِيُّ الدِّينِ بْنِ طَاوُوسٍ : الشَّيْخُ الْمُتَّفَقُ عَلَى ثِقَتِهِ
وَأَمَانَتِهِ مُحَمَّدُ بْنُ يَعْقُوبَ الْكُلَيْنِيِّ (كَشَفُ الْمَحَجَّةِ : ١٥٨)

As-Sayyid Radhiyuddin bin Thawus mengatakan; Dialah Syeikh yang disepakati (ulama Syi'ah) kebenarannya dan amanahnya, beliau ialah: Muhammad bin Ya'kub Al-Kulaini (Kasyfu Al-Mahajjah, hal. 158).

Terdapat lagi berbagai pujian dan sanjungan lagi diberikan kepada kitab Al-Kafi dan Al-Kulaini.



Kitab Usul Al-Kafi karangan
Abu Muhammed bin Ya'kob Al-Kulaini

Dipetik dari blog <http://secondprince.wordpress.com> dan agil-asshofie.blogspot.com/2012/05/

Kitab Kedua: MAN LA YAHDHURUHUL FAQIH

Kitab rujukan kedua yang mereka dakwa sahih adalah **Man La Yahdhuruhul Faqih** (مَنْ لَا يَحْضُرُهُ الْفَقِيه) dikarang oleh tokoh mereka Abi Ja'far Sodiq, Muhammad bin Ali bin Al-Husain bin Musa bin Babawaih Al-Qummi, meninggal dunia tahun 381H. Ia dikenal juga dengan panggilan nasab Abu Ja'far Ash-Shadiq. Kitab ini mengandungi 6,593 hadis dan ada yang mengatakan 9,044 hadis.

Muhammad Sodiq As-Shadr memuji kitab ini dengan katanya: Ini adalah sumber kedua Syi'ah, dan berkata: tokoh kami As-Sodiq telah mencapai satu kedudukan yang mulia pada zamannya yang tidak pernah dicapai oleh orang lain. Beliau merupakan orang pertama mendapat gelaran Ash-Shaduq (yang amat dipercayai atau yang amat benar) dan gelaran itu khusus baginya. Dengan gelaran itulah maka beliau dikenali orang. Gelaran itu diterimanya kerana kepastiannya dalam meriwayatkan sesuatu hadis, kekuatan hafalan dan ketelitiannya. (As-Syi'ah, hlm. 124).

Kitab Ketiga : AT-TAHDZIBUL AHKAM (التَّهْذِيبُ الْأَحْكَامُ)

Karangan seorang tokoh ulama Syi'ah, Abi Ja'far Muhammad bin Al-Hasan Ali At-Thusi yang terkenal dengan gelaran Syeikh At-Thoifah, meninggal dunia tahun 460H. Kitab ini merupakan kitab ketiga Syi'ah mengandungi 13,590 hadis.

Kitab ini merupakan bahan rujukan bagi seorang faqih mengenai riwayat-riwayat tentang hukum secara umum yang tidak didapati dalam kitab-kitab lain. (As-Syi'ah hlm. 125 - 126).

Kitab Ath-Thusi lainnya adalah **Al-Istibshor** yang memuat 920 bab sehingga mencakup 5,511 hadis.

Kitab Keempat : AL-ISTIBSHAR (الْإِسْتِبْشَارُ)

Karangan Abi Ja'far At-Thusi juga yang digelar dengan Syeikh At-Thoifah (tokoh ulama Syi'ah). Kitab ini mengandungi 920 bab sehingga mencakup 5,511 hadis, ada yang mengatakan sebanyak 6,531 hadis. Sebenarnya kitab ini adalah ringkasan dari kitab At-Tahzib.

Inilah empat kitab rujukan Syi'ah dalam hadis yang mereka anggap sebagai kitab yang shahih (benar), yang dipercayai, dan diakui keagungannya, kebenarannya, dan kebagusannya selain puji-pujian kepada pengarangnya dengan sanjungan dan pujian setinggi langit.

Dari kitab-kitab inilah bercabang banyak kitab-kitab mereka yang lain yang senada dan seirama dengan keempat kitab induk sebagai rujukan, seperti:

1. Al-Wafi, yang dikarang oleh Al-Mulla Muhsin Al-Kasyi;
2. Wasailus Syi'ah, yang dikarang oleh Muhammad Bin Hasan Bin Al-Hurrulamili;
3. Biharul Anwar, dikarang oleh Al-Majlisi;

4. Al-'Awali Fil Hadis, dikarang oleh Al-Bahrani;
5. Mustadrak Al-Wasail, dikarang oleh Mirza Husin An-Nuri At-Tibrisi pengarang kitab Fashlul Khitab;
6. Al-Anwarun Nu'maniyah, dikarang oleh Ni'matullah Al-Jazairi;
7. Al-Ihtijaj, oleh Ahmad bin Ali At-Tibrisi, dan banyak lagi.

Antara yang tergolong sebagai tokoh kitab induk hadis ialah peranan tiga Muhammad.

Pertamanya ialah Imam Muhammad Al-Baqir bin Muhammad At-Ta'iqe. Ia terkenal dengan nama Al-Majlisi. Kitab utama yang ditulis olehnya ialah kitab Biharul Anwar; fil Ahadisil Marwiyyah 'anin Nabi wal Aimmah min Alihil Ath-har. Kitab ini disusun sebanyak 26 jilid tebal. Dapat dikatakan bahawa kitab ini telah menjadi pegangan kaum Syi'ah. Ini kerana pada dakwaan mereka tidak ada kitab induk hadis yang paling lengkap selain kitab Biharul Anwar. Sehingga Thiqotul Islam Allamah An-Nurie menulis sebuah kitab yang berjudul Al-Faidhul Qudsi fi Ahwalil Al-Majlisi dan dicetak di Iran, yakni sebuah kitab yang secara khusus mengulas ihwal kehidupan Al-Majlisi.

Keduanya ialah Muhammad bin Murtadha bin Mahmud, seorang tokoh besar ilmu hadis dan guru utama dalam dua bidang ilmu aqli dan naqli. Beliau lebih dikenali dengan nama Muhsin Al-Kasyani dan julukan 'Al-Faydh'. Kitab hadis yang ditulis olehnya berjudul Al-Wafi fi Ilmil Hadis, yang ketebalannya mencapai 14 jilid, dan setiap jilidnya merupakan kitab berasingan. Kitab Al-Wafi menghimpun hadis-hadis yang tercatat di dalam empat kitab induk terdahulu berkenaan

dengan akidah, hukum syara', akhlak dan sunah-sunah. Usia Muhsin Al-Kasyani mencapai 84 tahun dan meninggal dunia pada tahun 1091H. Dalam usianya yang panjang itu, beliau telah mengarang lebih kurang dua ratus kitab dari pelbagai bidang ilmu.

Ketiganya ialah Muhammad bin Al-Hasan Al-Hurr Asy-Syami Al-'Amili Al-Masyghari, seorang ulama hadis yang mayshur di kalangan ahli hadis dengan gelaran Syeikhusy Syuyukh (guru para guru). Beliau menulis kitab Tafshil Wasailsy Syi'ah ila Tahshil Ahadis Asy-Syari'ah, dan penyusunannya tertumpu kepada kitab-kitab Fiqih.

Di antara kitab-kitab induk hadis, kitab hadis Al-'Amili tergolong sebagai kitab yang paling banyak diakses oleh ulama Syi'ah. Di dalamnya telah tercatat hadis-hadis yang dinukil dari 80 kitab induk hadis. 70 dari jumlah tersebut dinukil dengan perantara, dan dicetak berkali-kali di Iran. Dapat dikatakan bahawa kaum Syi'ah sekarang lebih tertarik kepada kitab ini. Muhammad Al-'Amili dilahirkan pada bulan Rajab 1033 dan meninggal dunia pada tahun 1204H. di Thus-Khurasan (sebuah daerah di bahagian barat Iran)

Begitu juga, mereka mempunyai kitab-kitab mengenai perawi-perawi hadis, seperti Rijalul Kasyi, Rijalun Najjasyi, Rijalut Thusi dan sebagainya.

Kitab-kitab tafsir mereka yang terkenal adalah tafsir Al-Qummi karangan Abul Hasan Ali bin Ibrahim Al-Qummi, yang dipuji oleh An-Najasyi dengan katanya: Benar dalam hadis, teliti dapat didambakan, lurus alirannya, banyak mendengar

dan mengarang kitab-kitab, dan mempunyai kitab tafsir. (Rijalun Najjasyi, 183).

Telah disebut oleh Al-Abas Al-Qummi dengan pujian : Dia termasuk golongan yang termulia di antara perawi-perawi sahabat kami, dan tokoh-tokoh ahli hadis meriwayatkan daripadanya, tidak diketahui tarikh kematiannya, tetapi dia hidup di tahun 307H. (Alkuna Wal-Alqab, 3/68).

Disebutkan juga oleh Agha Bazrak At-Tohrani: Dia hidup semasa Abil-Hasan Muhammad Al-Imam Al-Askari, dan mengenai tafsirnya pula beliau berkata: Sesungguhnya tafsir itu adalah tafsir kedua Imam yang Sodiq. (Kitab Az-Zariah 4/302).

Setelah kita mengetahui sumber rujukan Syi'ah serta pujian ulama mereka terhadap kitab-kitab rujukan dan pengarangnya, perlu kita melihat i'tiqad dan kepercayaan mereka yang terdapat dalam kitab-kitab apakah agama mereka itu, Syi'ah Imamiyah itu ada hubungannya dengan agama Islam atau tidak? Kemudian kita susuri pula dengan tokoh-tokoh ulama mereka yang membenarkan i'tiqad-i'tiqad tersebut.

1. Ja'far Sodiq atau dikenal dengan nama Abi Abdillah berkata : "Al-Qur'an yang dibawa oleh Jibril a.s. kepada Muhammad SAW adalah tujuh belas ribu ayat". (Al-Kafi fil Ushul, jilid 2 hal. 634, cetakan Tohran, Iran).
2. Terdapat di dalam Al-Quran mereka yang dinamakan Mushhaf Fatimah. Isi kandungannya terdapat tiga kali

ganda dibanding dengan Al-Qur'an Ahli Sunnah. Demi Allah, tidak satupun huruf dari Al-Qur'an tersebut terdapat dalam Al-Qur'an kamu. (Al-Kafi fil Ushul 1/240-241).

3. Diriwayatkan dari Jabir yang meriwayatkan dari Abi Ja'far berkata: Saya bertanya : "Mengapa Ali bin Abi Thalib dinamakan Amirul Mukminin? Jawabnya: Allah yang menamakan demikian. Begitulah yang diturunkan di dalam kitab sucinya iaitu firmanNya :

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولِي وَأَنَّ عَلِيًّا أَمِيرُ الْمُؤْمِنِينَ.

"Dan ingatlah ketika Tuhanmu mengambil dari Bani Adam, dari tulang belakang mereka anak keturunan mereka dan ia jadikan mereka saksi atas diri mereka sendiri. Bukankah aku ini Tuhan kamu dan Muhammad Rasul-Ku dan Ali adalah Amirul Mukminin (Al-Kafi Kitabul Hujjah, 1/437, cetakan Tohran, Iran).

Sedangkan ayat yang sebenarnya dalam surah Al-A'raf, 172:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ

"Dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi

terhadap diri mereka sendiri, (sambil ia bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), Kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya Kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".

4. Diriwayatkan pula, ia berkata Jibril turun membawa ayat ini kepada Muhammad dengan bunyi :

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فِي عَلِيٍّ فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّنْ مِّثْلِهِ. (الكافي كتاب الحجّة ج ١ ص ٤١٧)

"Dan jika kamu sekalian meragukan terhadap apa yang telah kami turunkan kepada hamba kami tentang Ali, maka datangkanlah satu surat saja yang serupa dengannya". (Al-Kaafi Kitabul Hujjah 1/417, cetakan Tohran, Iran)

Sedangkan ayat sebenarnya dalam surah Al-Baqarah, 23:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّنْ مِّثْلِهِ
وَأَدْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾

"Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (Al-Quran) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan Al-Quran itu, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar."

5. Dari Abi Basyir, dari Abdillah tentang Firman Allah :

مَنْ يُطِيعَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فِي وِلَايَةِ عَلِيٍّ وَالْأَئِمَّةِ بَعْدَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا، هَكَذَا أُنزِلَتْ. (الكافي كتاب الحجة ج ١ ص ٤١٤)

“Dan barangsiapa taat kepada Allah dan Rasul-Nya di dalam urusan kepemimpinan Ali dan para Imam-imam sesudahnya, maka sesungguhnya ia memperoleh kemenangan yang besar, demikianlah ayat tersebut diturunkan”. (Al-Kafi Kitabul Hujjah 1/414, cetakan, Tohran)

Sedangkan ayat sebenarnya dalam surah Al-Ahzab, 71:

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

“Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka Sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan.”

Perbezaan antara Hadis Syi'ah dengan Hadis Sunni

Syeikh Musa Kazhim menulis mengenai Syi'ah dan Hadis katanya: Apa yang disebut Sunnah atau Hadis oleh Syi'ah bukan hanya berupa ucapan, perilaku, sikap, kebiasaan Nabi, tapi juga seluruh ma'shum yang berjumlah 14. Dengan demikian, era wurud Sunnah tidak berhenti dengan wafatnya Nabi Besar Muhammad - seperti kepercayaan Ahlus Sunnah - melainkan berlanjut terus hingga masa keghaiban besar Imam

Muhammad bin Hasan Al-Askari pada tahun 941M atau 329H. (Shia-Explained.com Islam Dari Sisi Al-Quran dan Ahlulbait) 9 Februari 2012

Kaedah ilmu hadis Syiah adalah berbedza dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah (Sunni), lantaran semua kata-kata imam mereka adalah hadis, kerana imam adalah maksum seperti rasul, malah lebih daripada rasul.

Manakala hadis atau sunnah mengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah sesuatu daripada Nabi Muhammad SAW sama ada berupa perkataan, perbuatan, pengakuan, tingkah laku dan sebagainya.

Semasa Nabi Muhammad SAW masih hidup, penulisan hadis adalah dilarang sehingga zaman pemerintahan Umayyah pada akhir kurun pertama ataupun awal kurun kedua Hijrah. Khalifah Umar Abdul Aziz mengarahkan gabenornya Abu Bakar bin Hizam supaya mengumpul dan membukukan segala hadis Nabi Muhammad yang terdapat dalam catatan-catatan dan hafalan-hafalan yang dipastikan kesahihannya sebagai hadis Nabi Muhammad SAW.

Sesiapa yang menolak hadis secara total secara tidak langsung menolak kerasulan Nabi Muhammad SAW. Ini adalah fahaman atau pegangan yang salah dan penyelewengan yang menyesatkan. Hadis adalah sumber hukum kedua terbesar dalam Islam, di mana al-Quran adalah menjadi sumber perundangan utama yang menerangkan segala permasalahan dan hukum-hukum dalam Islam secara umum.

Hadis Nabi Muhammad diperlukan bagi mentafsir dan menghuraikan ayat-ayat umum itu supaya lebih jelas dan terperinci. Justeru, kita diperintahkan supaya mengikuti Nabi Muhammad dengan mengambil apa yang disampaikan oleh baginda. Firman Allah:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).” (Al-Ahzab: 21)

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

“Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya.” (Al-Hasyr: 7)

مَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ ^ط وَمَنْ تَوَلَّىٰ فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ

حَفِيفًا ﴿٨﴾

“Sesiapa yang ta'at kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah ta'at kepada Allah; dan sesiapa yang berpaling ingkar, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Muhammad), kerana Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pengawal (yang memelihara mereka dari melakukan kesalahan).” (An-Nisa': 80)

Kesimpulannya, hadis yang digunakan oleh golongan Syi'ah tidak boleh digunakan untuk membuktikan kesahihan sesuatu perkara yang berkaitan dengan akidah dan hukum agama mengikut Sunni, kerana hadis bagi mereka ialah apa juga yang diperkatakan oleh imam mereka walaupun bukan daripada Nabi SAW semuanya adalah hadis, berbeza sekali dengan fahaman dan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.



AKIDAH SYIRIK DENGAN ALLAH

Muhammed bin Ya'kob al-Kulaini dalam kitab 'Usul al-Kafi' bab (bumi ini kesemuanya adalah milik imam) menyebutkan, daripada Abi Abdillah iaitu Ja'far Sodiq berkata: Bahawa dunia dan akhirat adalah milik imam - dialah yang meletakkannya mengikut yang dia kehendaki, dan memberikannya kepada sesiapa yang dia kehendaki - hukumnya harus bagi imam daripada Allah. (Usul al-Kafi, hal. 259 cetakan India).

Apakah yang dapat ditanggap oleh orang Islam yang prihatin mengenai dakwaan tersebut, sedangkan Allah SWT menjelaskan bahawa kesemuanya itu adalah milik Allah, sebagaimana firmanNya:

- 1) Surah Al-A'raf ayat 128:

إِنَّ الْأَرْضَ لِلَّهِ يُورِثُهَا مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ

Sesungguhnya bumi ini adalah milik Allah diwariskan kepada sesiapa yang dikehendaki dari hamba-hambaNya.

2. Surah Al-Maidah ayat 120:

لِلَّهِ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا فِيهِنَّ

Allah jualah yang menguasai alam langit dan bumi serta segala yang ada padanya.

3. Surah An-Najm ayat 25:

فَلِلَّهِ الْآخِرَةُ وَالْأُولَىٰ

Kerana Allah jualah yang menguasai segala urusan akhirat dan urusan dunia.

4. Surah Al-Hadid ayat 2:

لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Dialah sahaja yang menguasai dan memiliki langit dan bumi.

5. Surah Al-Mulk ayat 1:

تَبَرَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maha Berkat (serta Maha Tinggilah kelebihan) Tuhan yang menguasai pemerintahan (dunia dan akhirat); dan memanglah la Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Orang-orang Syi'ah mengatakan: (Ali berkata: "Akulah yang awal, akulah yang akhir, akulah yang zahir, akulah yang batin dan akulah pewaris bumi ini)". (Rijal Kasyi: 138, cetakan India).

Akidah ini juga batil seperti akidah yang pertama yaitu bumi ini milik imam. Dalam soal ini, Saidina Ali tidak ada kaitan langsung dengan dakwaan tersebut. Ini semua merupakan pembohongan besar ke atas Saidina Ali, jauh sekali beliau mengatakan sedemikian. Ini dijelaskan sebagaimana dalam firman Allah:

1. Surah Al-Hadid ayat 3:

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ^ط

Dialah Yang Awal dan Yang Akhir; dan Yang Zahir serta Yang Batin.

2. Surah Al-Hadid ayat 10:

وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

Padahal Allah jualah yang mewarisi langit dan bumi (serta segala isinya).

Tokoh Syi'ah terkenal bernama Maqbul Ahmad mentafsirkan ayat Az-Zumar ayat 69:

وَأَشْرَقَتِ الْأَرْضُ بِنُورِ رَبِّهَا

Disinari bumi dengan cahaya Tuhannya.

Beliau mengatakan: Bahawa Ja'far Sodiq berkata: Bahawa pemilik bumi ini ialah imam, ketika imam keluar sahaja, cukup cahayanya dan manusia tidak memerlukan kepada matahari dan bulan. (Turjumah Maqbul Ahmad, hal. 339, teks asal menggunakan bahasa Urdu dan dipindahkan ke bahasa Arab dengan amanah).

Bayangkan, bagaimana mereka menjadikan imam Syi'ah itu sebagai Tuhan di mana mereka mengatakan pada makna 'dengan cahaya TuhanNya' mereka mendakwa bahawa imam Syi'ah itulah Tuhan dan pemilik bumi ini.

Demikian juga ahli tafsir Syi'ah mentafsirkan Surah Az-Zumar ayat 65:

لَيْنَ أَشْرَكَتَ لِيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٦٥﴾
 بَلِ اللَّهُ فَاَعْبُدْ وَكُنْ مِنَ الشَّاكِرِينَ

"Demi sesungguhnya, Jika engkau (dan pengikut-pengikutmu) mempersekutukan (sesuatu yang lain dengan Allah) tentulah akan gugur amalmu, dan engkau akan tetap menjadi dari orang-orang yang rugi. (Janganlah menyembah yang lain dari Allah) bahkan (apabila beribadat) maka hendaklah engkau menyembah Allah semata-mata, dan hendaklah engkau menjadi dari orang-orang yang bersyukur".

Tafsiran Syi'ah:

Ayat ini diriwayatkan daripada Ja'far Sodiq dalam kitab al-Kafi dengan makna: Jika sekiranya ada sesiapa dari kalangan kamu berkungsi mengenai kepimpinan Saidina Ali, maka natijahnya akan rosaklah amalan kamu.

Kemudian dalam mentafsirkan ayat 66 Surah Az-Zumar:

بَلِ اللَّهِ فَاعْبُدْ وَكُنْ مِنَ الشَّاكِرِينَ ﴿٦٦﴾

"(Janganlah menyembah Yang lain dari Allah) bahkan (apabila beribadat) maka hendaklah Engkau menyembah Allah semata-mata, dan hendaklah Engkau menjadi dari orang-orang Yang bersyukur".

Ayat di atas, ditafsirkan oleh Syi'ah: Hendaklah kamu menyembah Nabi serta taat dan bersyukur kepadanya, di mana menjadikan kami sebagai saudaramu dan anak bapa saudaramu yang kuat sokongan kamu. (Terjemah Makbul Ahmad, hal. 932).

Lihatlah bagaimana mereka mengada-adakan pembohongan terhadap Ja'far Sodiq dalam mentafsirkan ayat Al-Quran, sedangkan ayat ini adalah ayat mentauhidkan Allah SWT, iaitu Allah adalah pencipta segala sesuatu. Kepada Dialah sahaja semua ibadat yang wajib. Bagaimana ia diselewengkan dan daripadanya menyebabkan menjadi syirik secara terang-terangan, hanya Allah yang berhak membalas amalan mereka.

Demikian juga ahli tafsir Syi'ah mentafsirkan firman Allah dalam Surah Az-Zariah ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu."

Bahawa Ja'far Sadiq mentafsirkan ayat ini yang dinukil daripada al-Husein ra. bahawa Allah menjadikan jin dan manusia untuk mereka mengenal Allah, kerana apabila telah mengenal Allah (makrifat), mereka akan menyembahnya. Lalu orang bertanya: Apa dia makrifat itu? Dijawabnya: Semua orang mengetahui imam di zaman mereka. (Turjumah Maqbul Ahmad, hal. 1043).

Al-Kulaini menyebutkan dalam 'Usul al-Kafi', Imam Muhammad al-Baqir mengatakan: Kita adalah wajah Allah dan kita adalah mata Allah pada makhlukNya, tanganNya terbentang dengan rahmat ke atas hamba-hambaNya. (Usul al-Kafi: 83).

Demikian juga dia mengatakan: Kita adalah lidah Allah, kita adalah wajah Allah, kita adalah mata Allah pada makhlukNya. (Usul al-Kafi, hal. 83).

Daripada Abi Abdillah (Ja'far Sadiq) bahawa amirul mukminin (Saidina Ali) banyak kali berkata: Allah menjadikan aku pembahagi antara syurga dan neraka ... Sesungguhnya telah diberikan kepadaku kelebihan dan keistimewaan yang tidak pernah diberikan kepada sesiapa sebelumnya, aku mengetahui cita-cita seseorang, bala bencana yang akan datang, nasab keturunan seseorang, tidak ada sesuatu pun yang berlaku sebelumku melainkan semuanya aku ketahui dan tidak ada sesuatu pun yang terlindung daripadaku apa yang ghaib daripadaku. (Usul al-Kafi, hal 117).

Lihatlah bagaimana mereka tergamak mengisbatkan sifat-sifat Allah kepada Saidina Ali.

Ahli tafsir Syi'ah Maqbul Ahmad telah mentafsirkan ayat 88 Surah al-Qasas:

كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ

Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan Dzat Tuhan.

Bahawa Ja'far al-Sodiq mengatakan dalam tafsirnya: Kami adalah wajah Allah. Perhatikanlah bagaimana mereka menjadikan imam Syi'ah sebagai Tuhan yang tidak binasa, Maha Suci Allah daripada apa yang dikatakan oleh orang-orang yang zalim itu.

Al-Kulaini menyebutkan dalam bab: Bahawa imam-imam Syi'ah mengetahui apa yang telah berlaku dan apa yang akan berlaku kerana sesungguhnya mereka tidak terlindung sesuatu pun.

Daripada Ja'far Sodiq beliau berkata: Sesungguhnya aku amat mengetahui apa juga yang ada di langit dan apa yang ada di bumi; dan aku mengetahui apa yang ada di syurga dan apa yang ada di neraka; dan aku mengetahui apa yang telah berlaku dan yang akan berlaku. (Usul al-Kafi, hal, 160).

Demikian juga dalam Usul al-Kafi dikatakan: (Bahawa mereka menghalalkan apa yang mereka kehendaki, dan mengharamkan apa yang mereka kehendaki dan mereka tidak menghendaki kecuali apa yang dikehendaki oleh Allah SWT. (Usul al-Kafi, hal 278).

Sedangkan Allah SWT berfirman kepada rasulNya sebagaimana dalam Surah at-Tahrim: 1:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكَ

Wahai Nabi, Mengapa engkau haramkan (dengan bersumpah menyekat dirimu daripada meni'mati) apa yang dihalalkan oleh Allah bagimu.

Jika sekiranya Allah telah menegur rasulNya kenapa mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah, bagaimana pula sekiranya dia bukan nabi SAW.

Al-Kulaibi menyebutkan dalam bab: Bahawa imam-imam mereka mengetahui bila mereka akan mati dan mereka tidak akan mati kecuali dengan pilihan mereka sendiri. Ja'far Sadiq berkata: Mana-mana imam Syi'ah yang tidak mengetahui apa yang akan menimpa dirinya dan apa yang akan belaku pada masa akan datang, maka yang demikian itu bukanlah sebagai hujah bagi Allah ke atas makhluknya. (Usul al-Kafi, hal. 158). Sedangkan Allah berfirman dalam Surah an-Naml: 65:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ

Katakanlah lagi: "Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah.

FirmanNya lagi dalam Surah Al-An'am ayat 59 :

وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ

Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dialah sahaja.

Al-Kulaini juga menyebutkan dalam bab imam-imam Syi'ah sekiranya mereka ditutup matanya, mereka dapat memberitahu setiap orang tentang apa yang akan berlaku sama ada yang baik atau yang buruk.

Abu Ja'far at-Thusi berkata: Jika sekiranya kamu merahsiakan sesuatu pun, nescaya akan berlaku juga kepada semua orang sama ada yang baik atau yang buruk. (Usul al-Kafi, hal. 193).

Al-Kulaini juga menyebutkan dalam Usul al-Kafi: Dalam bab (Imam-imam Syi'ah mereka mengetahui semua ilmu yang diturunkan kepada para malaikat, nabi-nabi dan rasul-rasul a.s).

Samma'ah meriwayatkan daripada Ja'far Sodiq berkata: Sesungguhnya bagi Allah ada dua ilmu: Pertama, ilmu yang dizahirkan kepada para malaikatNya, para nabi dan rasulNya, maka apa yang dizahirkan kepada para malaikatNya, nabi dan rasulNya, maka sesungguhnya kami telah mengetahuinya. Ia merupakan ilmu yang dianugerahkan. Maka apabila Allah baru sahaja mengetahui sesuatu, maka Allah pun memberitahu kepada kami dan imam-imam pun tahu mengenainya. Perhatikanlah bagaimana mereka menjadikan imam-imam dengan dakwaan mereka lebih mengetahui daripada para malaikat, nabi-nabi dan rasul-rasul, dan mereka berkongsi ilmu dengan Allah, kesemua itu adalah pembohongan, pendustaan dan kekufuran.

Kitab Usul al-Kafi dan kitab-kitab lainnya yang menjadi sumber rujukan orang-orang Syi'ah penuh dengan berbagai penyelewengan dan pembohongan. Apa yang dijelaskan di sini hanyalah sebahagian kecil daripadanya sahaja. Orang-orang Syi'ah mempunyai qasidah dalam bahasa Urdu yang penuh dengan unsur syirik kepada Allah. Mereka melampau-lampau mengagungkan imam-imam mereka hingga setengahnya mengatakan bahawa semua nabi-nabi ketika menghadapi kesusahan, mereka meminta pertolongan dan bantuan daripada Saidina Ali lalu diberikan pertolongan kepada mereka. Umpamanya Nabi Noh meminta pertolongan daripada mereka ketika berlaku banjir besar. Nabi Ibrahim, Nabi Lut, Nabi Hud dan Nabi Syith kesemua mereka meminta pertolongan dengannya lalu diberikan pertolongan. Nampaknya mukjizat Saidina Ali begitu hebat dan menakjubkan. Apa hal pun kita mohon perlindungan kepada Allah daripada terjebak masuk ke dalam kesesatan mereka.

Apa yang dijelaskan di sini hanyalah beberapa contoh sahaja yang diambil daripada kitab-kitab Syi'ah yang menjadi pegangan mereka. Untuk pengetahuan pembaca sekalian, bahawa kitab-kitab mereka penuh dengan akidah-akidah yang membawa kepada syirik, adakah seseorang yang beri'tiqad dengan i'tiqad yang batil dan sesat itu masih lagi kekal dalam Islam? Kita serahkan persoalan ini kepada Allah jua. Dalam hubungan ini, Allah SWT berfirman:

اللَّهُ خَلِقُ كُلِّ شَيْءٍ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ

Allah Yang Menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dialah Yang Mentadbirkan serta menguasai segala-galanya.” (Surah Zumar: 62)

وَلَا يُشْرِكُ فِي حُكْمِهِ أَحَدًا

“Tidak ada bagi penduduk langit dan bumi pengurus selain daripadaNya) dan Ia tidak menjadikan sesiapa pun masuk campur dalam hukumNya.” (Surah Al-Kahfi: 26)

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي

السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ

“Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi.” (Al-Baqarah: 255)

وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكَتَ لَيَحْبَطَنَّ

عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ

“Dan sesungguhnya telah diwahikan kepadamu (wahai Muhammad) dan kepada Nabi-nabi yang terdahulu daripadamu. Demi sesungguhnya, Jika engkau (dan pengikut-pengikutmu) mempersekutukan (sesuatu yang lain dengan Allah) tentulah akan gugur amalmu, dan engkau akan tetap menjadi dari orang-orang yang rugi.” (Surah Az-Zumar: 65)

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang yang dikehendakiNya (menurut aturan Syari'atNya).” (Surah An-Nisak: 48)

إِنَّ اللَّهَ لَا تَخْفَىٰ عَلَيْهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ

“Sesungguhnya Allah tidak bersembunyi kepadaNya sesuatu pun yang ada di bumi dan juga yang ada di langit.” (Surah Ali Imran: 5)

Ayat-ayat di atas dan yang seumpamanya dengan jelas mengatakan bahawa Allah SWT sahajalah pencipta segala-galanya. Dialah pentadbir langit dan bumi, Dialah yang berkuasa ke atas tiap-tiap sesuatu dan Dialah yang mengetahui segala-galanya.

Orang-orang Syi'ah mensabitkan sifat ketuhanan kepada imam-imam Syi'ah mereka, bukankah mensabitkan sifat ketuhanan selain daripada Allah itu syirik hukumnya?

Dan mereka yang beriktihad mengisbatkan sifat Allah selain daripadaNya bukankah telah menjadi syirik? Memang ianya mensekutukan pada sifat Allah dan mereka yang mengatakan demikian adalah melakukan syirik



AKIDAH AL-BADA' (الْبَدَأُ)

Al-Bada' maknanya zahir setelah tersembunyi sebagaimana firman Allah:

وَبَدَا لَهُمْ مِّنَ اللَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا يَحْتَسِبُونَ.

“Setelah jelas nyata kepada mereka dari (hukuman) Allah, azab yang mereka tidak pernah fikirkan.” (surah Az-Zumar: 47)

Atau dengan makna: Timbulnya pandangan baru yang berbeza dengan sebelumnya sebagaimana firman Allah:

ثُمَّ بَدَا لَهُمْ مِّنْ بَعْدِ مَا رَأَوْا الْآيَاتِ لَيْسَ جُنُنَهُ حَتَّىٰ حِينٍ

“Kemudian timbul fikiran bagi suami perempuan itu, serta orang-orangnya hendak memenjarakan Yusuf sesudah mereka nampak tanda-tanda (yang menghendaki supaya Yusuf dijauhkan) hingga kesuatu masa.” (Surah Yusuf: 35)

Al-Bada' dengan dua makna tersebut menunjukkan ia bersifat jahil sebelumnya sedangkan barunya ilmu Allah dalam kedua perkara di atas adalah mustahil bagi Allah SWT, kerana ilmu Allah itu adalah azali (tidak ada permulaan bagiNya) dan abadi (tidak ada akhirnya). Ini berdasarkan firman Allah:

وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبُرِّ وَالْبَحْرِ
وَمَا تَسْقُطُ مِنْ وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٍ فِي ظُلْمَتِ الْأَرْضِ وَلَا
رَطْبٍ وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴿٥٩﴾

“Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dialah sahaja; dan Ia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan Ia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir biji pun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam Kitab (Luh Mahfuz) yang terang nyata.” (Surah Al-An’am, 59)

Orang-orang Syi’ah mengatakan bahawa al-bada' itu memang berlaku pada Allah SWT sebagaimana disebutkan mengenainya dalam kitab sumber rujukan asasi mereka.

Muhammad bin Ya’kob al-Kulaini dalam kitab ‘Usul al-Kafi’ terdapat satu bab khusus yang dinamakan dengan (Bab al-Bada’) di dalamnya menceritakan banyak riwayat, antaranya:

Daripada Zurarah bin A'yun berkata:

مَا عَبَدَ اللَّهُ بِشَيْءٍ مِثْلَ الْبَدَاءِ

Tidak ada sesuatu yang Allah lebih agungkan seperti al-bada'.

Dalam satu riwayat daripada Abi Umair daripada Hisyam bin Salim daripada Ja'far Sodiq berkata: Tidak ada yang diagungkan oleh Allah selain al-Bada'.

Daripada Marazim bin Hakim berkata: Aku mendengar Ja'far Sodiq berkata: Tidak ada sesiapa yang mendakwa sebagai nabi sehingga dia bersumpah dengan lima perkara, iaitu: Al-Bada', Masyi-ah (ketentuan), Sujud, Pengabdian dan ketaatan.

Daripada Al-Raiyan bin al-Shalt berkata: Aku mendengar al-Redza berkata: Allah mengutuskan seorang nabi adalah untuk mengharamkan minum arak dan mengakui Allah bersifat al-bada'.

Al-Kulaini juga menukil: Allah baru tahu yang menjadi imam selepas Abi Ja'far ialah Abi Muhammad. Sebagaimana Allah baru tahu Musa al-Kadzim menjadi imam selepas Ismail.

Mereka telah membohongi Tuhan dan imam mereka dengan dakwaannya itu – mereka menyangka buruk kepada Allah bagaikan sangkaan orang jahiliah. Mereka mendakwa bahawa Allah menghendaki Abi Ja'far menjadi imam. Kemudian apabila beliau meninggal dunia sebelum menjadi imam, ketika itu Allah baru tahu imam itu adalah Imam Abu Muhammad, lalu dia pun menjadi imam. Yang demikian itu

serupalah halnya Allah menghendaki Ismail menjadi imam, kemudian Allah mengetahui sesuatu yang baru lalu diubahnya Musa al-Kadzim pula menjadi imam. Demikianlah mereka mengada-adakan pembohongan terhadap Allah kerana mengikut hawa nafsu mereka. Maka bagi mereka neraka wail kerana menyifatkan Allah dengan sesuatu yang tidak layak dengan kesempurnaan Allah SWT.

Mereka terlupa, Allah memerangi mereka kerana mereka sanggup melakukan pembohongan tersebut disebabkan kejahilan mereka tentang Allah yang Maha Mengetahui, Maha Bijaksana, Maha Saksama dan Maha Agung, sedangkan mereka menjadi kufur melampau.

Al-Kulaini menukulkan: Daripada Abi Hamzah al-Syimali berkata: Aku mendengar Ja'far Sodiq berkata: Wahai Thabit, sesungguhnya Allah SWT menetapkan urusan tersebut (kelahiran al-Mahdi) pada ketika Saidina Husin berumur 70 tahun, tetapi apabila beliau mati terbunuh, Allah sangat murka ke atas penduduk bumi lalu ditangguhkan kelahiran al-Mahdi sehingga 140 tahun dengan bersandarkan firman Allah dalam surah ar-Ra'd ayat 39:

يَمْحُوا اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثَبِّتُ^ط وَعِنْدَهُ أُمُّ الْكِتَابِ ﴿٣٩﴾

"Allah menghapuskan apa jua yang dikehendakiNya dan Ia juga menetapkan apa jua yang dikehendakiNya. Dan (ingatlah) pada sisiNya ada "Ibu segala suratan".

Apa yang dimaksudkan (urusan itu) dari ungkapannya ialah kelahiran Imam al-Mahdi. Kemudian pendapat dan

dakwaan mereka itu jelas batil kesemuanya, kerana ia menetapkan akidah al-bada'. Bahawa Allah SWT keadaannya jahil tentang sesuatu yang datang kemudian, apabila perkara itu berlaku barulah Allah tahu, lalu Allah mengubah pendapatnya yang lama kepada pendapat yang baru mengikut suasana dan keadaan. Dakwaan Allah itu jahil menjadikan seseorang itu menjadi kufur yang secara sorih (terang-terangan).



AKIDAH MAKSUMNYA IMAM-IMAM DUA BELAS

Muhammad bin Ya'kob al-Kulaini menyebutkan dalam kitab Usul al-Kafi daripada Ja'far Sodiq katanya: Apa jua yang dibawa oleh Saidina Ali a.s ambillah ia dan apa yang dilarangnya tinggalkanlah ia. Saidina Ali mempunyai kemuliaan seperti yang dimiliki oleh Nabi Muhammad SAW. Nabi Muhammad mempunyai kemuliaan dan kelebihan ke atas semua makhluk yang dijadikan Allah, Saidina Ali juga mempunyai kemuliaan yang perlu dipatuhi hukum-hukum yang dibawahnya seperti mematuhi perintah Allah dan rasulNya, tidak kira perkara yang besar atau kecil sehingga membawa kepada perkara yang berkaitan dengayn syirik atau menyengutkan Allah SWT.

Demikian juga berlaku ke atas imam-imam yang diberi petunjuk satu persatu, di mana Allah menjadikan mereka sebagai pasak bumi yang menjadi payung kepada

penduduknya, sebagai golongan yang bertanggungjawab kepada Allah ke atas umat di muka bumi ini. Amirul mukminin, Saidina Ali banyak kali berkata: Aku adalah penentu antara syurga dan neraka. Aku adalah yang membezakan antara hak dengan yang batil. Aku pemilik tongkat sakti. Sesungguhnya semua para malaikat, roh dan para rasul mengakui akan aku sebagaimana mereka mengakui kemuliaan dan kelebihan Nabi Muhammad SAW. Sesungguhnya aku memikul tanggungjawab daripada Allah sebagaimana yang dipikul oleh Nabi Muhammad SAW. (Usul al-kafi kitab al-Hujjah, hal. 117).

Al-Kulaini menukilkan juga: Kata Imam Ja'far Sodiq: Kami adalah penjaga ilmu Allah. Kami pelaksana urusan Allah. Kami golongan yang maksum (tidak melakukan dosa). Allah memerintahkan supaya mentaati kami dan melarang daripada menderhakai kami. Kami adalah golongan yang bertanggungjawab kepada Allah ke atas makhluk di langit dan di muka bumi. (Usul al-Kafi: 165).

Al-Kulaini telah menyebutkan: Aku mendengar Ja'far Sodiq berkata: Imam-imam Syi'ah kedudukannya seperti kedudukan rasulullah SAW, bezanya mereka bukan dari kalangan para nabi. Tidak halal bagi mereka perempuan-perempuan seperti apa yang dihalalkan kepada Nabi SAW. Adapun selain daripada itu kedudukan mereka sama dengan kedudukan Rasulullah SAW. (Usul al-Kafi).

Al-Kulaini menukilkan dalam bab: 'Apa yang dinaskan oleh Allah dan rasulNya ke atas imam-imam satu persatu': Abi Ja'far as-Sodiq menghuraikan firman Allah dalam surah Al-Ahzab, 6 :

النَّبِيُّ أَوْلَىٰ بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ وَأَزْوَاجُهُ أُمَّهَاتُهُمْ وَأُولُو
 الْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ .

“Nabi itu lebih menolong dan lebih menjaga kebaikan orang-orang yang beriman daripada diri mereka sendiri; dan isteri-isterinya adalah menjadi ibu mereka. Dan orang-orang yang mempunyai pertalian kerabat, setengahnya lebih berhak (mewarisi) akan setengahnya yang lain - menurut (hukum) Kitab Allah - daripada orang-orang yang beriman dan orang-orang Muhajirin (yang bukan kerabatnya).”

Kepada siapa ayat ini diturunkan? Kata Abi Ja'far: Ayat ini diturunkan di al-Imrah, ayat ini berlaku kepada anak lelaki Saidina Husain selepas Nabi SAW, bahawa kami lebih utama menjadi imam bersama Rasulullah SAW dan keluarganya daripada orang-orang mukmin, Muhajirin dan Ansar. Aku bertanya, adakah anak lelaki Ja'far juga mempunyai peluang menjadi imam? Dijawabnya, tidak. Aku bertanya lagi, adakah anak lelaki Abas juga mempunyai peluang menjadi imam? Dijawabnya, tidak. Maka aku sebutkan anak cucu bani Abdul Muttalib, kesemuanya dijawab, tidak. Aku pula lupa nak bertanya mengenai anak lelaki Saidina Hasan a.s. Kemudian aku berjumpa dengannya selepas itu dan aku bertanya: Adakah anak lelaki Saidina Hasan mempunyai peluang menjadi imam? Dijawabnya: Tidak, demi Allah wahai Abdul Rahim (al-Kulaini). Dari kalangan keluarga Nabi Muhammad tidak ada yang berpeluang menjadi imam selain daripada kami (keturunan Husain). (Usul al-Kafi: 177).

Bab Wajib Mentaati Imam-Imam

Daripada Abi al-Sobbah berkata: Aku naik saksi bahawa aku mendengar Ja'far Sodiq berkata: Aku naik saksi bahawa Saidina Ali dilantik menjadi imam, Allah mewajibkan supaya mentaatinya. Saidina Hasan dilantik menjadi imam, Allah mewajibkan supaya mentaatinya. Saidina Husain dilantik menjadi imam, Allah mewajibkan supaya mentaatinya. Saidina Muhammad bin Ali dilantik menjadi imam, Allah mewajibkan supaya mentaatinya. (Usul al-Kafi: 109).

Al-Kulaini juga menukilkan: Kata Imam Muhammad al-Baqir: Bahawasanya datangnya perintah itu daripada Allah pada malam Lailatul Qadr kepada Nabi SAW dan kepada mereka yang diwasiatkan: Buatlah begitu dan begini.. Sesungguhnya mereka telah mengetahui urusan mereka sebagaimana yang mereka lakukan. (Usul al-Kafi: 145).

Sebenarnya, orang Syi'ah mengada-adakan makna imamah itu mengikut citarasa mereka sendiri, di mana mereka menjadikan imam itu maksum (tidak melakukan sebarang dosa) seperti para nabi; dan menjadikannya sebagai orang yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib; dan mereka mengada-adakan riwayat yang palsu sebagai nas untuk mengukuhkan matlamat perjuangan mereka. Riwayat ini semua adalah rekaan, palsu dan pembohongan belaka.

Kalimah Imam sebenarnya bermakna 'qadwah' atau ikutan sahaja. Ia digunakan sama ada kepada orang mukmin atau orang kafir. Buktinya firman Allah:

1. Surah Al-Baqarah: 124:

قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا .

"Sesungguhnya Aku melantikmu menjadi Imam (Pemimpin ikutan) bagi umat manusia".

2. Surah Al-Furqan: 74:

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا .

"Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang berdo'a dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertaqwa."

3. Surah At-Taubah: 12:

فَقَتِلُوا أَيْمَةَ الْكُفْرِ .

"Maka perangilah ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin kaum yang kafir itu."

4. Surah Al-Qasas: 41:

وَجَعَلْنَاهُمْ أَيْمَةً يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ .

"Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua (dalam kesesatan) yang mengajak ke neraka (dengan kekufurannya)."

Perkataan imam yang disebutkan dalam al-Quran ini, tidak menunjukkan ianya maksum; tidak pula menunjukkan ianya mengetahui perkara-perkara yang ghaib, dan juga tidak

mempunyai hak untuk menguruskan urusan Allah. Sebenarnya mereka tidak mempunyai alasan secara syarak untuk mensabitkan imam-imam mereka mempunyai sifat-sifat tersebut.

Memang dalam al-Quran ada menyebutkan kedudukan susunan yang empat tersebut seperti firman Allah dalam surah An-Nisa', 49:

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَٰئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أُولَٰئِكَ رَفِيقًا .

“Dan sesiapa yang ta'at kepada Allah dan RasulNya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama orang-orang yang telah dikurniakan ni'mat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-nabi, dan orang-orang Siddiqiin, dan orang-orang yang Syahid, serta orang-orang yang salih. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang ta'at).”

Namun dalam susunan yang empat itu tidak ada pun menyebutkan kedudukan imam-imam yang dicipta oleh orang-orang Syi'ah yang dijadikannya sebagai asas mazhab mereka, sedangkan Saidina Ali dan keluarganya menafikan sekeras-kerasnya mengenai imam itu wajib ditaati dan bersifat maksum. Kerana semasa orang ramai mahu membai'ah Saidina Ali menjadi khalifah selepas Saidina Uthman mati syahid, mereka berkata: Hurlurkan tanganmu (Saidina Ali), kami mubaya'ah engkau sebagai khalifah. Lalu Saidina Ali berkata: Tinggalkan aku dan kamu carilah yang lain daripadaku, jika kamu meninggalkan aku, aku serupa dengan kamu semua. Semoga kamu mendengar permintaanku dan

kamu carilah orang yang boleh memimpin urusan kamu semua, aku lebih baik menjadi pembantu daripada menjadi amir (pemimpin atau khalifah). (Nahjul Balaghah 1/183).

Ungkapan ini dipetik daripada kitab Nahjul Balaghah yang menjadi sumber rujukan orang-orang Syi'ah. Andainya kepimpinan imam mereka memang dilantik oleh Allah, maka sudah tentu tidak akan berlaku penarikan diri seperti yang dilakukan oleh Saidina Ali. Sesungguhnya kepimpinan yang dinaskan daripada Allah itu wajib ditaati oleh imam dan rakyatnya. Perkara ini berlaku seperti yang dilakukan oleh Saidina Hasan yang pernah memegang jawatan khalifah dan menyerahkan kepimpinan kepada Ma'awiyah serta membuat akujanji taat setia kepada Ma'awiyah, begitu juga dengan Saidina Husain. (Makrifah Akhbar al-Rijal – Rijal Kasyi : 72).

Jika sekiranya Hasan dan Husain r.a sebagai imam yang dinaskan daripada Allah sebagaimana yang didakwa, sudah tentulah mereka berdua tidak akan membuat akujanji taat setia kepada Ma'awiyah dan mereka berdua tidak akan menyerahkan imamah kepadanya.

Makmun Al-Rasyid berkata kepada Ali Redza (semoga kedua-duanya diredhai oleh Allah): Aku ingin menarik diri daripada jawatan khilafah dan aku serahkannya kepadamu serta membuat akujanji taat setia kepadamu Ali menjawab, bahawa aku tidak akan melakukan semua itu kerana taat kepada Allah SWT selama-lamanya.

Ini juga menunjukkan bahawa Ali Redza tidak menerima perlantikan jawatan sebagai khalifah, dan ia bukanlah daripada perkara yang dinaskan dan difardukan oleh syarak di mana kerananya orang-orang Rafidah dan Syi'ah mengkafirkan sahabat-sahabat besar Nabi SAW.

Adapun sifat-sifat yang ada pada Rasulullah SAW itu memang terdapat nas daripada Al-Quran dan hadis-hadis. Al-Quran umpamanya dengan jelas mengataka:

1. Surah Al-Anbiyak, 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ .

“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”

2. Surah Sabak, 28:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا .

“Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar).”

3. Surah Al-A'raf, 158:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا .

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai sekalian manusia, Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya.”

4. Surah An-Nisak, 65:

تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَىٰ عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا

“Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad), Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul diantara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa dihati mereka

sesuatu keberatan dari apa yang telah hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.”

5. Surah An-Nisak, 65:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

“Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad), Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul diantara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa dihati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.”

6. Surah Al-Hasr, 7:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا .

“Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya.”

7. Surah Ali Imran, 31:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ .

“Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu.”

8. Surah An-Nisak, 80:

وَمَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ .

“Sesiapa yang ta'at kepada Rasulullah, maka sesungguhnya ia telah ta'at kepada Allah.”

9. Surah An-Nisak, 115:

وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ
الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصَلِّهِ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا .

“Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesuatu terang nyata kepadanya kebenaran pertunjuk (yang dibawanya), dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.”

Para ulama Islam telah sepakat bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan semulia-mulia makhluk Allah. Baginda mempunyai kedudukan yang begitu tinggi yang tidak dapat ditandingi oleh sesiapaapun dari kalangan makhluk Allah dari segi sifat dan kelebihanannya. Baginda maksum dan wajib ditaati sebagai kesudahan para nabi. Khalifah-khalifah yang menggantikan baginda mengikut jejak langkah baginda, dan menjadikan baginda sebagai ikutan dalam semua perkara sama ada kecil atau besar. Mereka itu adalah sahabat-sahabat yang warak, mempunyai kelebihan yang hebat, tetapi mereka tidak berkungsi dengan baginda dari segi sifat maksum, kelebihan dan kesempurnaan sebagaimana yang direka-reka oleh orang Syi'ah mengenai imam-imam mereka.



AL-QURAN YANG ADA SEKARANG SUDAH DISELEWENGKAN DAN DITOKOK TAMBAH



Orang-orang Syi'ah tidak beriman dengan al-Quran yang ada di tangan orang-orang Islam sekarang kerana 3 sebab, iaitu:

Pertama:

Mengikut akidah orang-orang Syi'ah, para sahabat Nabi SAW semuanya pembohong. (Mereka mengi'tiqadkan bahawa berbohong itu satu ibadah).

Pembesar-pembesar ahlul bait (keluarga nabi SAW) semuanya pembohong dan pandai bertaqiyyah (berpura-pura).

Jika sekiranya semua para sahabat dan pembesar ahlul bait pembohong, maka pada hakikatnya siapa yang

menyampaikan al-Quran yang sebenar daripada Rasulullah SAW kepada umat manusia?

Kedua

Mengikut akidah orang-orang Syi'ah, bahawa para sahabat semuanya pembohong sedangkan merekalah (ahi bait) yang membawa dan meriwayatkan al-Quran al-Karim.

Pemimpin ahlul bait mereka tidak dipercayai, tidak dipedulikan dan tidak diyakini kebenarannya, maka bagaimana golongan yang menolak Islam dan Syi'ah mahu dipercayai dan menerima kesempurnaan dan kesahihan al-Quran.

Ketiga

Riwayat hadis sohih di sisi orang Syi'ah yang terdapat dalam kitab-kitab yang menjadi sumber rujukan mereka, di mana bilangannya lebih daripada dua ribu riwayat itu dianggapnya sebagai mutawatir. Kesemuanya mengatakan dengan jelas bahawa al-Quran yang ada sekarang ini telah ditukar dan diselewengkan dengan dibuat tokok tambah. Tidak ada satu pun riwayat yang sohih dalam semua kitab Syi'ah yang mengatakan bahawa al-Quran yang ada sekarang ini masih asli dan tidak diubah, ditokok tambah dan diselewengkan. Jadi, kedudukan al-Quran yang ada sekarang ini tidak ada nilai disebabkan tidak ada satu riwayat pun yang sohih dalam kitab-kitab Syi'ah yang menunjukkan al-Quran yang ada sekarang ini asli, lengkap dan tidak diselewengkan. Seolah-olah al-Quran yang ada sekarang lebih rendah nilai dan kedudukannya jika dibandingkan dengan satu riwayat yang dianggap sohih pada pandangan orang-orang Syi'ah.

Terdapat sesetengah orang Syi'ah berhujah berdasarkan pendapat empat orang tokoh ulama mereka iaitu, al-Syarif al-Murtadha, Abu Ja'far at-Thusi, Abu Ali al-Thobradi dan Syeikh al-Shadduq yang mengatakan bahawa mereka menolak berlakunya penyelewengan pada al-Quran yang ada sekarang.

Hujah mereka berdasarkan kepada empat tokoh ulama tersebut mengikut orang-orang Syi'ah adalah hujah yang batil, kerana skop mazhab Syi'ah berpegang kepada pendapat imamnya yang maksum. Jumhur ulama hadis dan riwayat hadis yang bilangannya melebihi dua ribu hadis itu dianggap kesemuanya menyeleweng. Jadi apakah nilainya hujah empat orang ulama yang terombang-ambing berdepan dengan pendapat imam-imam mereka yang maksum, jumhur ahli hadis dan tokoh-tokoh pembesar Syi'ah yang terkenal dan dihormati.

Hujahnya lagi, empat orang ulama yang mengatakan al-Quran tidak diselewengkan itu hanyalah taqiyyah (pura-pura) sahaja kerana keadaan memaksa mereka mengatakan demikian. Apa lagi bila mengetahui bahawa fadhilah taqiyyah itu amat besar sekali sehingga para penyelidik Syi'ah menyelar pendapat empat orang ulama tersebut sebagaimana yang diungkapkan oleh al-Husain bin Muhammad Taqiy an-Nurie al-Thobradi dalam (kitabnya 'Faslul Khitab fi Tahrif Kitab Rabbi al-Arbab' hal. 33) di mana nasnya: "Tidak terdapat ulama-ulama terdahulu yang bersetuju dengan pendapat mereka".

Jumhur ulama hadis Syi'ah mendakwa berlakunya penyelewengan terhadap al-Quran sebagaimana yang disebutkan oleh al-Husain bin Muhammad Taqiy an-Nurie al-Thobradi dalam kitabnya ('Faslul Khitab fi Tahrif Kitab Rabbi

al-Arbab' hal. 32) mengukuhkan: Inilah mazhab jumhur ulama hadis yang kami temui pendapat mereka.

Di sini ingin dibentangkan sebahagian daripada riwayat yang menunjukkan berlakunya penyelewengan al-Quran dari kitab-kitab Syi'ah yang muktabar.

1. Diriwayatkan oleh Muhammad bin Ya'kub al-Kulaini dalam kitab 'Usul al-Kafi' di bawah tajuk: Al-Quran tidak dihimpunkan kesemuanya kecuali di tangan imam-imam Syi'ah di mana mereka mengetahui kesemua isi kandungannya.
2. Daripada Jabir berkata: Aku mendengar Abu Ja'far at-Thusi berkata: Jika sekiranya ada orang yang mendakwa dari kalangan manusia bahawa ia menghimpunkan semua isi kandungan al-Quran sebagaimana yang diturunkan oleh Allah SWT, maka dakwaan tersebut adalah pembohong, kecuali Saidina Ali dan imam-imam selepasnya.
3. Al-Kulaini dalam kitab 'Usul al-Kafi', hal. 67 cetakan India mengatakan: Daripada Salim bin Salamah berkata: Seorang lelaki membaca di hadapan Ja'far Sadiq, dan aku mendengar beberapa ayat al-Quran bukan sebagaimana yang dibaca oleh orang ramai, lalu Ja'far Sadiq berkata: Cukup setakat ini, bacalah sebagaimana yang dibaca oleh orang ramai (orang-orang Syi'ah), kemudian dikeluarkan mushaf (al-Quran) yang ditulis oleh Saidina Ali, dikatakan Saidina Ali a.s mengeluarkan kepada orang ramai apabila telah sempurna dikumpulkannya, lalu dikatakan kepada mereka: "Ini kitab Allah (al-Quran) sebagaimana yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW dan keluarganya, ia telah

dihimpunkannya daripada Luh Mahfudz. Kemudian mereka mengatakan: Ini dia mushaf kita (al-Quran) yang lengkap yang kita perlukan. Kemudian dia berkata: Demi Allah, kamu tidak akan melihat peristiwa ini selepas ini selamanya, bahawa Saidina Ali mengatakan kepada kamu ketika mengumpulkannya untuk menjadi bacaan kamu semua.”

4. Al-Kulaini dalam kitab ‘Usul al-Kafi’, hal. 670 cetakan India mengatakan: Daripada Ahmad bin Muhammad bin Abi Nasr berkata: Abu al-Hasan memberikan kepadaku sebuah mushaf al-Quran sambil berkata: Jangan hanya dipandang sahaja, lalu aku buka dan aku baca pada ayat (لَمْ يَكُنِ الَّذِينَ كَفَرُوا) aku dapati dalam al-Quran itu terdapat nama tujuh puluh orang Quraisy lengkap nama dan nama bapa mereka sekali.

5. Al-Kulaini dalam kitab ‘Usul al-Kafi’, hal. 263, tajuk: (mengeluarkan dan membuang) mengenai ayat wilayah. Daripada Ja’far Sodiq: Surah Taha ayat 15: (Sesungguhnya Aku telah menjanjikan suatu pesanan (kalimat) sejak Nabi Adam pada Nabi Muhammad, Ali, Fatimah, Hasan, Husain dan imam-imam Syi’ah dari zuriat keturunannya, lalu dia lupa) beginilah Allah menurunkan ke atas Nabi Muhammad SAW dan keluarganya.

6. Dihalaman 264 disebutkan juga: Daripada Ja’far Sodiq berkata: Malaikat Jibril menurunkan ayat kepada Nabi Muhammad SAW begini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ آمِنُوا بِمَا نَزَّلْنَا فِي عَلِيٍّ نُورًا مُبِينًا

“Wahai orang-orang yang diturunkan al-Quran, berimanlah kamu dengan apa yang kami turunkan pada Saidina Ali sebagai cahaya yang jelas nyata.”

7. Setengah daripada mereka mengatakan bahwa Saidina Uthman telah membakar mushaf al-Quran dan memusnahkan surah yang menjelaskan tentang kelebihan Saidina Ali dan ahli keluarganya. Antaranya disebutkan dalam Fasl al-Khitab, hal.180, cetakan Iran, surah berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ءَامِنُوا بِالنُّورَيْنِ
 أَنْزَلْنَاهُمَا يَتْلُونَ عَلَيْكُمْ ءَايَاتِي وَيُحَدِّثُكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ
 نُورَانِ بَعْضُهُمَا مِنْ بَعْضٍ وَأَنَا السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

“Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Wahai orang-orang yang beriman, berimanlah kamu dengan dua cahaya (Ali dan ahlul bait) yang Kami turunkan kedua-duanya untuk kamu. Kedua-duanya menerangkan kepada kamu tanda-tanda kebesaranKu dan kedua-duanya memberikan peringatan tentang azab di hari kiamat, dua cahaya ini mempunyai kaitan antara satu sama lain, dan Aku Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

Al-Mula Hasan menukil daripada Abi Ja'far (Jaafar Sodiq). berkata:

لَوْ لَا أَنَّهُ زِيدَ وَنُقِصَ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ مَا خَفِيَ حَقُّنَا عَلَى ذِي حِجِّي.

“Kalaulah bukan kerana ditambah dan dikurangkan daripada Al-Quran nescaya tidaklah hilang hak kami di kalangan cerdik pandai ...” (Tafsir As-Shofi, Al-Mula Hasan, hal. 11)

8. Ahmad bin Abi Thalib al-Thobrasī dalam kitab al-Ihtijāj menyebutkan: Daripada Abi Dzar al-Ghiffari, semasa Rasulullah wafat, keluarganya dan Saidina Ali mengumpulkan al-Quran lalu dibawa dan ditunjukkannya kepada orang-orang Muhajirin dan Ansor apa yang Rasulullah SAW wasiatkan. Manakala dibuka oleh Abu Bakar dikeluarkan pada halaman pertama tentang keburukan kaum Muhajirin dan Ansor, lalu Umar bangun dan menyarankan kepada Ali: Ya Ali buanglah yang ini, kita tidak memerlukan yang ini, lalu diambil oleh Ali dan dibawanya pergi. Kemudian datang pula Zaid bin Thabit penulis al-Quran, Saidina Umar memberitahu Zaid bahawa Saidina Ali telah menunjukkan al-Quran di dalamnya menyebutkan keburukan orang-orang Muhajirin dan Ansor, kami berpendapat kita menyusun semula al-Quran dan membuang mana-mana yang menyebutkan keburukan dan membuka keaiban Muhajirin dan Ansor, maka Zaid pun melakukannya.

Kemudian dia berkata: Jika aku telah selesai mengumpul al-Quran sebagaimana yang kamu minta, Ali pula menunjukkan al-Quran yang dikumpulkannya, bukankah ini akan merosakkan kerja-kerja kamu? Umar menjawab: Apakah jalan penyelesaiannya? Zaid berkata: Kamu lebih tahu apakah usaha yang perlu dilakukan, lalu Umar berkata: Kita bunuh sahaja Ali selesailah masalah. Umar merancang untuk membunuh Ali melalui Khalid bin al-Walid, tapi tidak kesampaian. Bila Saidina Umar menjadi khalifah, orang ramai

meminta kepada Ali supaya menyerahkan al-Quran yang ada padanya, lalu diselewengkan isi kandungannya. Umar berkata: Ya Abu Hasan (Ali) alangkah bagus jika sekiranya engkau datang membawa al-Quran yang engkau tunjukkan kepada Abu Bakar yang menyebabkan kita bersepakat kerananya, maka Ali menjawab: Tidak sama sekali, perkara ini tiada jalan penyelesaian. aku datang berjumpa Abu Bakar untuk membuktikan kepada kamu supaya di hari kiamat nanti mereka tidak mengatakan: (إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ) Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat al-Quran) ini; atau mereka mendakwa (مَا جِئْنَا بِهِ) Bahawa engkau tidak membawakan al-Quran kepada kami.

Bahawa al-Quran yang ada padaku tidak boleh disentuh kecuali oleh orang-orang yang bersuci dan yang mendapat wasiat dari kalangan anak-anakku. Lalu Umar berkata: Adakah diketahui bila masanya ditunjukkan kepada orang ramai? Jawab Ali: Ya, bila sampai masanya anakku menjadi imam, dia akan menunjukkan dan membawa orang ramai kepadanya. (Al-Ihtijaj oleh al-Thobrasi, hal. 225 cetakan Najaf, begitulah yang terdapat dalam tafsir as-Sofi, hal. 11; dan Fasl al-Khitab, hal. 7).

9. Manakala an-Nurie at-Thobrasi dalam 'Fasl al-Khitab' mengatakan: Bahawa Amirul Mukminin (Ali) mempunyai al-Quran yang khusus, beliau kumpulkannya sendiri selepas baginda SAW wafat dan pernah ditunjukkan kepada orang ramai lalu ditolaknya, ini menyebabkan ia disembunyikan daripada pengetahuan mereka semua. Beliau mewariskan kepada anaknya daripada satu imam kepada satu imam, ia

merupakan suatu keistimewaan kepada imam Syi'ah. Ketika diperlukan untuk berhujah ia akan dikeluarkan selepas kelahirannya dan diperintahkan membacanya. Al-Quran ini berbeza dengan al-Quran yang ada sekarang dari segi susunan, tertib surah dan ayat, malahan dari segi perkataan yang mengandungi tokok tambah dan pengurangan, dari sudut kebenaran, yang benar adalah Ali dan kebenaran itu milik Ali, kerana pada al-Quran yang ada sekarang terdapat perubahan dari dua sudut iaitu tokok tambah dan pengurangan. Memang inilah yang dikehendaki. (Fasl al-Khitab, hal. 97).

10. Ahmad bin Abi Thalib dalam al-Ihtijaj al-Thobradi mengatakan: Disebabkan masalah yang dihadapi, mereka terpaksa mengumpul, menyusun dan menjamin untuk menyokong kekufuran mereka ... dengan menambah di dalam al-Quran apa yang menunjukkan kemungkaran mereka ... orang yang menghina Nabi SAW dan keluarganya dari kalangan mereka yang tidak percayakan Tuhan, lantaran itu mereka berkata dan mengatakan sesuatu yang mungkar dan palsu. (Ahmad bin Abi Thalib dalam Al-Ihtijaj al-Thobradi, hal 383).

11. Al-Husain an-Nurie at-Thobradi dalam Fasl al-Khitab berkata: Diriwayatkan daripada kebanyakan golongan Syi'ah yang awal bahawa al-Quran yang ada pada hari ini bukanlah al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dan keluarganya, tetapi ia telah diubah, ditukar, ditambah dan dikurangkan isi kandungannya. (Fasl al-Khitab cetakan Iran, hal. 32).

12. Al-Mula Hasan daripada Abi Ja'far Sodiq pula menukilkan bahawa al-Quran telah banyak di buang ayat-ayatnya dan tokok tambah. (Al-Mula Hasan dalam Tafsir as-Shofi, hal.11).

Al-Mula Hasan seterusnya berkata: Berdasarkan beberapa berita dan riwayat melalui ahul bait bahawa al-Quran yang ada sekarang ini bukan kesemuanya sebagaimana diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dan keluarganya, bahkan ia berbeza dengan apa yang diturunkan oleh Allah; antaranya ada yang diubah dan diselewengkan, banyak yang dibuang antaranya: Nama Saidina Ali di kebanyakan tempat, perkataan 'keluarga Nabi Muhammad' di beberapa tempat, nama-nama orang munafik dan sebagainya, juga bukan mengikut tertib susunan yang diredhai oleh Allah dan rasulNya. (Al-Mula Hasan dalam Tafsir as-Shofi, hal.13).

13. Al-Kulaini menukilkan daripada Ja'far Sodiq berkata: Bahawa al-Quran yang dibawa oleh malaikat Jibrik a.s kepada Nabi Muhammad SAW sebanyak (17,000) tujuh belas ribu ayat. (Usul al-Kafi: 671). Sedangkan al-Quran yang ada sekarang mengandungi sebanyak (6,666) enam ribu enam ratus enam pulun enam ayat, seolah-olahnya dua pertiga daripadanya telah dibuang dan yang ada hanya satu pertiga sahaja.

Penulis 'Miratu 'Uqul' membuat komentar mengenai hadis tersebut yang dikeluarkan oleh al-Kulaini daripada Ja'far Sodiq mengatakan: Khabar itu memang betul tidak dinafikan. Berita ini dan kebanyakan berita yang betul secara jelas

mengatakan al-Quran yang ada sekarang sudah dikurangkan dan diubah.

Hadis mengenai perkara ini adalah mutawatir dari segi makna dan untuk membuang kesemuanya perlu dilihat dari mana sumber berita tersebut. Tapi mengikut pandanganku bahawa hadis dalam perkara ini tidak hanya mengenai imamah dan bagaimana mereka mensabitkan hadis tersebut. (al-Mula Muhammad al-Baqir al-Majlisi dalam Mir-at al-'Uqul Syarah al-Usul wa al-Furu': 2/539).

14. Al-Mula Khalil al-Qazwini pensyarah al-Kafi telah menghuraikan hadis tersebut daripada bahasa Parsi ke bahasa Arab, mengatakan:

Yang dimaksudkan banyak ayat-ayat yang dibuang daripada al-Quran itu bukanlah daripada mushaf al-Quran yang masyhur. Manakala hadis-hadis yang sahih secara khusus dan umum menunjukkan ayat-ayat al-Quran banyak yang dibuang itu hadisnya banyak sekali tidak terhingga, jadi dakwaan kesemuanya itu bohong adalah dakwaan yang melampau ...

Dakwaan bahawa al-Quran itu ialah apa yang tertulis di dalam mushaf, ia merupakan perkara yang dipersoalkan dan perlu dibuktikan melalui keprihatinan para sahabat dan ulama dalam menentukan kesahihan al-Quran. Dakwaan tersebut merupakan penghujahan yang lemah setelah meneliti usaha-usaha yang dilakukan oleh Saidina Abu Bakar, Umar dan Uthman.

15. Demikian juga berhujah dengan ayat (إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ) merupakan pembuktian yang lemah, kerana ayat di sini menggunakan lafaz madhi (telah berlalu) dan ia merupakan surah yang diturunkan di Mekah, sedangkan di Mekah banyak surah-surah selepas ayat ini, selain surah-surah yang diturunkan di Madinah begitu banyak selepas itu, maka ia tidak boleh dijadikan hujah bahawa semua ayat al-Quran itu terpelihara ...

Demikian juga pemeliharaan al-Quran itu tidak mesti ia terpelihara pada kebanyakan orang awam, mungkin yang dimaksudkan disini ialah terpelihara di sisi imamuz zaman (Saidina Ali) dan pengikut-pengikutnya yang mengetahui rahsia-rahsia al-Quran. (al-Mula Khalil al-Qazwini dalam al-Fasl Syarah Usul al-Kafi, kitab kelebihan al-Quran bab al-Nawadir, hal. 75).

16. Al-Husain an-Nurie at-Thobradi dalam Fasl al-Khitab mengatakan: Hadis yang terdapat daripada sumber yang khusus pada al-Quran menunjukkan berlakunya banyak sekali perubahan pada setengah kalimah, ayat-ayat, surah-surah, sehingga al-Syed Ni'matullah al-Jazairi dalam setengah tulisannya sebagaimana yang diceritakan daripadanya menyatakan: Bahawa hadis-hadis yang menunjukkan sedemikian lebih daripada dua ribu hadis dan ramai para ulama mendakwa ianya ditokok tambah seperti al-Mufid, al-Muhaqqiq, as-Damad dan al-'Allamah al-Majlisi dan lain-lain lagi, bahkan Al-Husain an-Nurie at-Thobradi banyak menjelaskan sedemikian, malahan jamaah mendakwa

mutawatirnya hadis ini seperti yang akan dijelaskan di akhir tajuk ini. (Fasl al-Khitab, hal.227).

17. An-Nurie at-Thobrase juga mengatakan: Bahawa al-Jazairi seorang ulama hadis dalam kitab al-Anwar berkata: Bahawa para sahabat telah sepakat sahnya riwayat yang disepakati dan mutawatir yang menunjukkan secara terang berlakunya penyelewengan pada al-Quran sama ada dari segi susunan bahasa, perkataan, i'rab dan keyakinan terhadapnya. (Fasl al-Khitab, hal 31).

An-Nurie at-Thobrase mengatakan: Banyak riwayat yang diakui secara jelas berlakunya pengguguran perkataan dan ayat dan berlakunya pengurangan apa yang ada di dalam al-Quran adalah sebagai bukti tambahan kepada apa yang telah dibincangkan. Keadaan ini telah menyebabkan ianya kurang sempurna berbanding apa yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW tanpa dikhususkan dengan mana-mana ayat atau surah, ia beberbeza dengan kitab yang diiktiraf sebagai sumber dan rujukan orang-orang Syi'ah.

An-Nurie at-Thobrase juga mengatakan: Ketahuilah bahawa riwayat-riwayat yang dinukil daripada kitab-kitab muktabar menjadi pegangan kami untuk mensabitkan hukum-hukum syarak dan hadis-hadis Nabi SAW. (Fasl al-Khitab, hal. 211).

18. Ulama Syi'ah telah menjelaskan mengenai riwayat yang menunjukkan penyelewengan al-Quran secara terperinci; dan al-Allamah Muhammad al-Baqir al-Majlisi membawakan dalil-dalil logik mengenai penyelewengan tersebut, di mana nasnya:

Mengikut hukum akal, jika sekiranya al-Quran itu bertaburan pada orang ramai, sedangkan mereka tidak maksum untuk mengumpulkannya, biasanya pengumpulan itu tidak akan lengkap berdasarkan kenyataan yang ada sahaja, tetapi tidak dinafikan jika sekiranya yang mengumpulkannya itu memang dipertanggungjawabkan untuk tujuan tersebut, ini dimaklumi dari kalangan ahlul bait. Kebanyakan riwayat mengenai persoalan ini menunjukkan berlakunya kekurangan dan perubahan. Perkara ini disebutkan dalam kitab Miraatul 'Uqul Syarah al-Usul wa al-Furu': 1/171.

Setelah disebutkan sebahagian daripada riwayat yang dikemukakan oleh Syi'ah dalam kitab rujukan mereka dan diperkukuhkan dengan pendapat tokoh-tokoh ulama Syi'ah yang didakwa mutawatir, sahih dan telus mengatakan al-Quran itu telah diselewengkan.

Di sini kita ingin menyebutkan akidah mereka berdasarkan riwayat tersebut mengenai al-Quran yang ada sekarang telah diselewengkan dan ditokok tambah. Al-Mula Hasan penulis tafsir as-Sofi berkata:

Adapun pegangan pemimpin-pemimpin kami dalam masalah ini umpamanya:

1. Muhammad Ya'kob al-Kulaini mengatakan berlaku penyelewengan dan tokok tambah dalam al-Quran, kerana beliau menggunakan riwayat yang memberikan pengertian demikian dalam kitabnya al-Kafi dan dia tidak membuat sebarang komen mengenainya kerana beliau yakin dengan apa yang diriwayatkannya.

2. Demikian juga gurunya Ali bin Ibrahim al-Qummi, tafsirnya sarat dengan riwayat-riwayat sedemikian dan beliau begitu taksud sekali mengenainya.
3. Syeikh Ahmad bin Abi Thalib at-Thobrisi, beliau juga menggunakan kaedah yang sama dalam kitabnya al-Ihtijaj. (Al-Tafsir al-Sofi, hal. 14).

Ulama-ulama hadis Syi'ah telah banyak menulis kitab-kitab khusus mengenai persoalan ini yang menetapkan bahawa al-Quran itu telah diselewengkan dan ditokok tambah sebagaimana dijelaskan nama-nama kitab tersebut oleh al-Husain bin Muhammad Taqiy an-Nurie at-Thobrisi dalam kitabnya yang terkenal 'Fasl al-Khitab fi Tahrif Kitab Rabbi al-Arbab). Beliau mengungkapkan dalam mukadimah kitabnya:

"Ini merupakan kitab yang amat bernilai dengan huraian yang menarik diusahakan untuk membuktikan berlakunya penyelewengan terhadap al-Quran dan mendedahkan sikap mereka yang berniat jahat terhadap Syi'ah, di mana ia dinamakan 'Fasl al-Khitab fi Tahrif Kitab Rabbi al-Arbab."

Kemudian beliau menyenaraikan kitab-kitab yang disusun dalam tajuk ini di halaman 29 dalam kitab ini, iaitu:

1. Kitab at-Tahrif (kitab yang diselewengkan).
2. Kitab at-Tanzil wa al-Taghyir (kitab al-Quran yang diubah dan ditokok tambah).
3. Kitab at-Tanzil min al-Quran wa at-Tahrif (kitab yang diturunkan daripada al-Quran dan penyelewengan).
4. Kitab at-Tahrif wa at-Tabdil (kitab yang diselewengkan dan diubahsuai).

5. At-Tanzil wa at-Tahrif (al-Quran dan kitab yang diselewengkan).

Kitab-kitab tersebut menjelaskan kepada kita bahawa akidah ini (penyelewengan al-Quran yang ada pada umat Islam) merupakan sebagai asas agama mereka sehingga banyak kitab-kitab mengenainya diterbitkan.

Adapun sikap sesetengah ulama Syi'ah yang mendakwa bahawa riwayat yang digunakan itu sebagai daif, ia tidak memberikan apa-apa kesan langsung, kerana kebanyakan tokoh-tokoh ulama hadis Syi'ah berpegang teguh dengan riwayat hadis mereka dan menganggapnya sebagai sohih. Tidak ada seorang pun yang meriwayatkan sebaliknya. Bahkan mereka semua ber'tikad al-Quran itu telah diubah. Kami mencabar ulama Syi'ah, jika sekiranya mereka mengakui bahawa al-Quran yang ada sekarang ini tidak di selewengkan dan tidak ditokok tambah, mereka mestilah membuktikan perkara berikut:

Pertama:

Membawakan satu riwayat hadis yang sohih daripada imam Syi'ah yang maksum dalam mana-mana kitab yang menjadi pegangan dan rujukan mereka. Sesiapa yang mendakwa bahawa al-Quran itu lengkap, terpelihara dan tidak diselewengkan, mereka tidak sekali-kali akan menemuinya hingga ke hari kiamat.

Kedua:

Bertolak daripada pegangan tersebut, dia perlu mengkafirkan orang-orang yang mengatakan al-Quran itu diselewengkan

dan mengiklankan akidah dan pegangannya di dalam akhbar dan majalah-majalah.

Ketiga:

Mereka juga tidak boleh mempromosikan riwayat yang menunjukkan tentang berlakunya penyelewengan tersebut dalam majlis-majlis yang dia adakan. Malahan mereka hendaklah menjauhkan diri daripada orang yang membawa riwayat ini di majlis-majlis perhimpunan, keramaian dan perjumpaan yang mereka adakan. Mereka juga hendaklah menolak kitab-kitab yang mengandungi pembohongan dan kesesatan tersebut seperti kitab Usul al-Kafi, al-Ihtijaj dan lain-lain lagi.

Kita telah dedahkan akidah dan pegangan orang-orang Syi'ah mengenai penyelewengan yang berlaku pada al-Quran yang ada sekarang ini, dikuatkan pula dengan riwayat-riwayat yang mutawattir mengikut fahaman mereka, pendapat tokoh-tokoh hadis, ahli-ahli tafsir dan tokoh-tokoh ulama terkenal mereka di mana tidak boleh diingkari oleh sesiapa sahaja dari kalangan mereka. Ungkapan dan hujah yang mereka kemukakan itu mendedahkan sikap dan pendirian sebenar mereka terhadap al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT yang sentiasa dipelihara oleh Allah daripada sebarang penyelewengan dan tokok tambah. Ini dirakamkan oleh Allah di dalam al-Quran, antaranya disebutkan dalam surah Al-Baqarah ayat 1-2:

الْمَرْكَبُ الَّذِي لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ .

“Kitab Al-Qur'an ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang sempurnanya); ia pula menjadi pertunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.”

Surah Al-Hijr: 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

“Sesungguhnya Kami lah yang menurunkan Al-Qur'an, dan Kami lah yang memelihara dan menjaganya.”

Surah Al-Qiamah: 16:

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ﴿١٦﴾ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْءَانَهُ ﴿١٧﴾
فَإِذَا قَرَأَهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ ﴿١٨﴾ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ ﴿١٩﴾

“Janganlah engkau (wahai Muhammad) - kerana hendakkan cepat menghafaz Qur'an yang diturunkan kepadamu - menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu).

Sesungguhnya Kami lah yang berkuasa mengumpulkan Al-Qur'an itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu);

Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (Kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu.”

Al-Baqarah: 23:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّمَّنْ مِثْلِهِ
وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٢﴾

“Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang kami turunkan (Al-Qur'an) kepada hamba kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan Al-Qur'an itu, dan panggillah orang-orang yang akan percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar.”

Al-Israk: 88:

قُلْ لِّئِنْ أَجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ
لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴿٨٨﴾

“Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan Al-Qur'an ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu, sesama sendiri.”

Seluruh umat Islam telah sepakat bahawa al-Quran yang ada pada umat Islam itu sama ada di timur dan di barat, dari awal hingga akhir al-Quran adalah kalam Allah SWT dan wahyunya yang diturunkan kepada Nabi Muhammas SAW. Sesiapa yang mengingkarinya walau satu huruf sahaja pun, maka dia telah menjadi kafir.

Adapun sikap sesetengah orang Syi'ah yang tidak mampu mensabitkan al-Quran yang ada sekarang ini sempurna dan terpelihara; dan dakwaan mereka tidak mengapa terdapat riwayat yang menceritakan tentang penyelewengan itu ada dalam kitab kami, kerana dalam kitab kamu juga menyebutkan mengenai nasakh al-Quran dan perbezaan bacaan.

Pegangan mereka dalam soal ini bagaikan orang yang mabuk sedangkan nasah dari segi bacaan al-Quran itu merupakan perkara yang sabit melalui nas. Begitu juga berlakunya perbezaan dari segi qiraat, maka kita berlindung kepada Allah daripada sikap mereka yang angkuh dan keras kepala. Buktikan sekiranya terdapat di kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mengatakan al-Quran itu diselewengkan dan ditokok tambah, malahan keseluruhan Ahli Sunnah Wal Jamaah mengakui sesiapa yang mengatakan al-Quran itu telah diselewengkan dan ditokok tambah akan menjadi kafir dan terkeluar daripada agama Islam.

Penterjemah membuat kesimpulan

Inilah dia keyakinan golongan Syi'ah terhadap Al-Qur'an, suatu keyakinan yang jelas menyeleweng dan terkeluar dari landasan Islam. Nukilan mengenai perkara ini boleh didapati dalam kitab-kitab induk mereka yang terkenal, seperti dari kitab Al-Kafi, karya Al-Kulaini dari kitab Al-Qummi dan kitab Al-Ihtijaj, karya at-Tibrisi, kitab Bashoirud Darajaat, karya Shaffar, dan Hayatul Qulub, karya Al-Majlisi, Tafsir Al-Burhan, karya Al-Burhani dan Tafsir As-Shofi karya Muhsin Al-Kasyi. Juga kitab Fashul Khitab fi Isbatit Tahriifi Kitabi Rabbil Arbab karya ulama

Syi'ah bernama Mirza Taqiy an-Nurie At-Thobrisi, kitab Al-Anwar an-Nu'maniyah, karya Ni'matullah al-Jazairi, dan kitab Kasyful Asrar, karya Khumaini dan lain-lain lagi.

Tidak satu pun kitab induk Syi'ah yang menjadi pegangan mereka terlepas dari keyakinan yang merupakan identitas mereka, mereka kaitkan keyakinannya kepada imam yang mereka anggap sebagai ma'sum, suatu anggapan yang penuh kepalsuan dan pembohongan, dan mengada-adakan sesuatu atas nama Allah, dan para auliya'nya.



AKIDAH MENGHINA RASULULLAH SAW DAN MENGHINA SAIDINA ALI, HASAN DAN HUSAIN



Mohamad Al-Baqir Al-Majlisi berkata dalam bahasa Parsi artinya: Al-Nu'mani telah meriwayatkan daripada Imam Muhammad al-Baqir, katanya: Apabila Imam al-mahdi zahir ke dunia, para malaikat mengiriginya dan Nabi Muhammad SAW merupakan orang yang pertama membuat akujanji kepadanya, kemudian diikuti oleh Saidina Ali bin Abi Thalib.

Syeikh at-Thusi dan an-Nu'mani telah meriwayatkan daripada imam al-Redha bahawa antara tanda-tanda zahirnya imam al-Mahdi ianya akan zahir dalam keadaan telanjang di bawah panas terik matahari. (Haqqul Yaqin, hal. 347).

Lihatlah bagaimana mereka menghina Rasulullah SAW dan Amirul Mukminin Saidina Ali ra. Mereka mendakwa secara bohong dan palsu di mana kedua-duanya akan membuat

akujanji (mubaya'ah) kepada imam al-Mahdi. Kemudian mereka mendakwa imam al-Mahdi pula akan lahir dalam keadaan telanjang tanpa pakaian, agama apakah ini?

Kemudian Orang-orang Syi'ah menisbahkan pembbohongan dan kepalsuannya itu kepada Nabi SAW apabila dikatakan Nabi bersabda:

“Sesiapa yang bernikah mut'ah sekali darjahnya seperti darjah Saidina Husain, sesiapa yang bernikah mut'ah dua kali darjahnya seperti darjah Saidina Hasan, sesiapa yang bernikah mut'ah tiga kali darjahnya seperti darjah Saidina Ali bin Abi Thalib dan sesiapa yang bernikah mut'ah empat kali darjahnya seperti darjahku.” (Tafsir Manhaj Sodiqin, hal. 356, Mohammad al-Mula al-Kasyani).

Lihatlah kepada mereka yang dungu ini, adakah darjat Saidina Husain begitu rendah dan hina sekali sehingga ke tahap ini. Bagi kita Ahli Sunnah Wal Jamaah mempercayai bahawa seseorang itu biar bagaimana ia beribadah kepada Allah dengan pelbagai ibadat, mereka tidak akan sampai ke darjat para sahabat Rasulullah SAW, apa lagi dibandingkan dengan pemimpin belia ahli syurga dan cucu Rasulullah SAW. Kemudian dibandingkan dengan darjat abangnya Hasan dan bapanya Saidina Ali bin Abi Thalib khalifah keempat yang mendapat petunjuk daripada Allah. Adapun pembbohongan dan keceluparan mereka mengenai Rasulullah SAW apabila mengatakan sesiapa yang bermut'ah empat kali maka darjatnya seperti darjah Nabi SAW. Wal'iyadzubillah.

Al-Kulaini dalam Furu' al-Kafi menyebutkan bahawa Zararah berkata:

Apabila aku menemui beberapa buah kitab lama, berbentuk tebal dan keras, aku anggap yang ini adalah kitab orang-orang dahulu. Aku lihat isi kandungannya amat berbeza dan tidak serupa dengan apa yang dibaca oleh orang Syiah dari segi hubungan silaturrahim dan amar makruf. Aku terus membaca hingga aku merasa tidak selesa, sukar untuk mengingat dan pemikiran terganggu, tapi aku terus membaca dan mendapatinya sebahagian isi kandungannya tidak serupa dan tidak sama. Pada keesokkannya aku berjumpa dengan Ja'far Sodiq dan dia bertanya kepadaku: Adakah kamu membaca bahagian Faraid? Aku menjawab, ia, lalu beliau bertanya lagi: Apa yang awak dapat dari pembacaanmu? Aku menjawab: Tidak ada apa yang betul, ia berbeza dengan apa yang dibaca oleh orang Syiah. Dia berkata lagi: Apa yang awak baca wahai Zararah itulah yang benar dan awak lihat sendiri sebagaimana yang dibaca oleh Rasulullah SAW dan ditulis sendiri oleh Saidina Ali a.s. (Furu' al-Kafi: 3/52).

Ini merupakan salah satu riwayat al-Kafi yang dianggap sebagai sumber rujukan Syi'ah yang paling utama.

Lihatlah bagaimana penghinaan yang dahsyat dilemparkan kepada Amirul Mukminin Saidina Ali bin Abi Thalib dan kepada Nabi Muhammad SAW mengenai silaturrahim dan amar makruf yang didakwanya berbeza dengan apa yang berlaku. Maknanya, Rasulullah SAW menyuruh manusia menghubungkan silaturrahin dan melaksanakan amar makruf, tetapi secara diam-diam beginda menyuruh Ali r.a. melakukan sebaliknya iaitu memutuskan silaturrahim dan menyuruh yang mungkar. Adakah di sana terdapat pembohongan yang lebih dahsyat daripada ini?

Lihatlah mengenai ajaran Syi'ah, mereka melihat pegangan agama yang sebenar mengikut apa yang didakwa secara bohong dan dibuat-buat oleh Zararah, bahawa ianya diucapkan oleh Nabi SAW dan ditulis sendiri oleh Saidina Ali r.a. dengan tulisan tangannya. Kitab ini mengandungi hukum memutuskan silaturrahim dan menyuruh melakukan kemungkaran. Adakah layak hukum sedemikian dijadikan sebagai ajaran agama?

Orang-orang Syi'ah menceritakan mengenai Saidina Ali, bahawa beliau berucap mengadapkan mukanya kepada orang ramai dan dikelilingi ahli keluarganya, orang yang rapat dengannya dan juga penyokongnya, lalu berkata:

Pemimpin-pemimpin sebelumku telah melakukan amalan yang bercanggah dengan apa yang ditetapkan oleh Rasulullah SAW iaitu sengaja mengambil jawatan khalifah selepas baginda, melanggar taat setianya dan mengubah sunnah Nabinya. Jika aku (Ali bin Abi Thalib) menyuruh manusia meninggalkan perkara tersebut dan aku mengubahnya kepada perkara sebenar, nescaya bala tenteraku akan berpaling tadah; dan aku terpaksa mengembalikan harta rampasan perang kepada Fatimah; aku akan membicarakan semula kes-kes jenayah yang tersalah menjatuhkan hukuman; aku akan mengembalikan perempuan yang dimiliki oleh lelaki yang tidak berhak kepada suami mereka; aku akan kembali kn manusia berdasarkan hukum al-Quran; dan talak mengikut sunnah Nabi; aku akan kembalikan semua umat manusia kepada kitab Allah dan sunnah nabinya, tetapi bila aku berbuat demikian, mereka akan meninggalkan aku dan berpecah daripadaku. (Furu' al-Kafi, kitab al-Raudhah, hal. 29).

Riwayat ini juga dari riwayat al-Kafi: Adakah betul singa Allah yang gagah berani seperti Saidina Ali r.a. bersikap sedemikian rupa, yang jelas dari riwayat mereka beliau seolah-olahnya sebagai seorang pengecut, tunduk menyerah takut berpisah dengan tenteranya, maka dengan demikian beliau tidak mahu membawa manusia kepada kitab Allah dan sunnah nabinya, bahkan beliau redha dengan apa yang dilakukan oleh mereka sedangkan ketika itu beliau sebagai imam dan pemimpin umat Islam terpaksa berdiam diri sahaja melihat sesuatu yang bercanggah dengan ajaran Rasulullah SAW dan menjadi khalifah Nabi, yang menyalahi janji setianya dan mengubah sunnahnya. Apakah di sana ada pembohongan yang lebih keji daripada perkara ini? Adakah di sana terdapat penghinaan dan keceluparan yang lebih besar mengenai amirul mukminin Ali bin Abu Thalib, sedangkan Syi'ah mempercayai bahawa Saidina Ali mempunyai tongkat Nabi Musa dan cincin Nabi Sulaiman serta dia berkuasa di atas segala-galanya walaupun perkara ini adalah bohong dan palsu.

Al-Kulaini telah menikilkan dalam Usul al-Kafi: Bahawa Jibril menemui Nabi Muhammad SAW lalu berkata kepadanya: Ya Muhammad, bahawa Allah memberikan khabar gembira kepadamu dengan kelahiran anak daripada Fatimah yang akan dibunuh oleh umatmu selepas daripadamu. Lalu Rasulullah bertanya: Wahai Jibril, Tuhanku mengucapkan salam, aku tidak memerlukan anak yang lahir daripada Fatimah dibunuh oleh umatku selepas kewafatanku, kemudian Jibril naik ke langit dan turun semula, Rasulullah berkata seperti itu juga. Wahai Jibril, Tuhanku mengucapkan salam, aku tidak memerlukan anak yang lahir daripada Fatimah

dibunuh oleh umatku selepas aku wafat, kemudian Jibril naik ke langit dan turun semula lalu berkata: Wahai Muhammad bahawa Tuhanmu mengucapkan salam dan memberikan khabar kepadamu bahawa Allah menjadikan pada zuriatnya imam dan pemimpin. Kemudian Rasulullah berkata: Aku redha, kemudian perkara itu dimaklumkan kepada Fatimah bahawa Allah memberikan khabar gembira dengan anak lelaki yang akan dibunuh oleh umatku selepas kewafatanku. Maka Fatimah memberitahu baginda bahawa dia tidak memerlukan anak yang dibunuh oleh umat baginda selepas kewafatan baginda. Kemudian baginda memberitahu kepada Fatimah bahawa Allah menjadikan pada zuriatnya seorang imam dan pemimpin. Kemudian Fatimah memberitahu yang beliau redha. Firman Allah bermaksud: "Ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah." (Al-Ahqaf: 15)

Saidina Husain tidak disusukan oleh Fatimah dan tidak daripada mana-mana wanita, Husain dibawa kepada Nabi SAW lalu diletakkan ibu jari baginda ke dalam mulutnya lalu dihisapnya yang mencukupi untuk dua tiga hari. (Usul al-Kafi, al-Kulaini, hal. 294).

Bukankah riwayat ini sebagai penghinaan kepada Saidina Husain di mana Rasulullah SAW telah diberikan khabar gembira melalui Jibril a.s., lalu Rasulullah mengatakan: Aku tidak memerlukan padanya, demikian juga ibunya Saiyidah Fatimah al-Zahra' mengatakan: Aku tidak memerlukan padanya, sedangkan beliau yang mengandungkan dan melahirkan tetapi beliau tidak mahu menyukannya. Kita tidak pernah mendengar daripada

seorang ibu yang mengatakan dan bertindak sedemikian rupa dengan anak kandungnya sendiri, bagaimana perkara ini boleh berlaku kepada seorang anak sehebat Saidina Husain yang menjadi penghulu golongan muda di syurga.

Al-Kulaini menyebutkan: Daripada Ja'far Sodiq: Manakala Abdullah bin Ubai bin Salul meninggal dunia, Nabi SAW melawat jenazahnya, lalu Saidina Umar bertanya kepada baginda: Adakah Allah tidak menegah engkau solat di atas jenazahnya, Nabi diam. Lalu ditanya lagi: Ya Rasulullah, Adakah Allah tidak menegah engkau solat di atas jenazahnya, lalu baginda bersabda kepadanya: Tahukah engkau apa yang engkau katakan itu? Sabda baginda: Ya Allah azabkanlah dia dengan api neraka dan campakanlah dia ke dalam api neraka. (Furu' al-Kafi dalam kitab al-Janaiz, hal. 188).

Begitulah orang Syi'ah mengada-adakan cerita bohong dan palsu terhadap Nabi SAW di mana mereka mendakwa Nabi solat ke atas orang munafik tetapi dalam solatnya baginda tidak berdoa kepadanya tetapi mendoakan kecelakaannya, ini memang sikap dan amalan orang-orang munafik, dan menisbahkan hubungan munafik kepada Rasulullah SAW itu sebagai satu penghinaan yang melampau ke atas Nabi SAW.

Al-Kulaini meriwayatkan juga: Daripada Ja'far Sodiq bahawa seorang lelaki munafik telah meninggal dunia. Saidina Husain bin Ali keluar lalu bertemu dengan orang suruhannya. Saidina Husain bertanya kepadanya: Kamu hendak pergi kemana? Dijawabnya, aku lari daripada menyembahyangkan jenazah munafik ini. Saidina Husain mengajak dia berdiri di

kanannya untuk solat jenazah, dan meminta dia mengikut apa yang diucapkannya. Bila orang suruhannya telah bertakbir, Husain berdoa: Allah Maha Besar, Ya Allah, laknatkan si pulan hambaMu ini seribu laknat berkali ganda banyaknya. Ya Allah, hinakanlah hambamu ini dan campakkanlah dia ke dalam api neraka. Timpakan kepadanya sepedih-pedih aszabMu, kerana dia membantu musuhMu, menentang auliya'mu dan membenci ahlul bait NabiMu. (Furu' al-Kafi, kitab jenazah, hal 189).

Lihatlah bagaimana tergamaknya orang Syi'ah mengadakan cerita terhadap Saidina Husain yang didakwa dikasihinya, beliau solat ke atas seorang lelaki munafik dan berdoa untuk melaknatnya sedangkan solat itu adalah doa dan mohon keampunan. Mereka mengaitkan perbuatan munafik ini kepada Saidina Husain secara bohong dan palsu. Kami minta perlindungan kepada Allah bahawa Saidina Husain tidak sekali-kali bersifat munafik dan berpura-pura. Apakah agama itu dibina berdasarkan kemunafikan? Kalau begitu tidak perlulah Rasulullah SAW menanggung musibah dan penyiksaan daripada kafir musyrik, orang-orang Yahudi dan lain-lain lagi. Jika berlaku sedemikian nescaya tidak berlaku peperangan Karbala dan Saidina Husain tidak mati syahid kerananya.

RUJUKAN

1. Tafsir Pimpinan ar-Rahman, Bahagian hal Ehwal Islam.
2. Sohih Muslim, cetakan India.
3. At-Tirmizi, cetakan Pakistan.
4. Usul al-Kafi, Muhammad bin Ya'kub al-Kulaini, cetakan India.
5. Furu' al-Kafi, Muhammad bin Ya'kub al-Kulaini.
6. Terjemah al-Quran, Maqbul Ahmad, bahasa Urdu.
7. Nahjul Balaghah
8. Ma'rifah Akhbar al-Rijal (Rijal Kasyi), Muhammad bin Umar al-Kasyi.
9. Fasl al-Khithob, Husain an-Nurie at-Thobradi, cetakan Iran.
10. Tafsir as-Shifi, Al-Mula Hasan
11. Al-Ihtijaj, Ahmad Abi Tholib al-Thobradi, cetakan Najaf, Iraq.
12. Miraatul 'Uqul Syarh al-Usul wal Furu', Al-Mula Muhammad al-Baqir al-Majlisi.
13. Jalaul 'Uyun, Muhammad al-Baqir al-Majlisi, cetakan Iran.
14. 'Ajalah Hasanah, Muhammad al-Baqir al-Majlisi.
15. Hayatul Qulub, Muhammad al-Baqir al-Majlisi.
16. Haqqul Yaqin, Muhammad al-Baqir al-Majlisi, bahasa Parsi.
17. As-Shifi Syarah Usul al-Kafi, Al-Mula Khalil al-Qazwaini.
18. Tafsir Manhaj Sodiqin, Al-Mula Fathullah al-Kasyani.
19. Tafsir al-Qummi, Ali bin Ibrahim al-Qummi.
20. Man Laa Yahdhuru al-Faqih, Abi Ja'far Muhammad bin Babawaih al-Qummi.
21. At-Tahzib, Abi Ja'far Muhammad bin al-Hasan at-Thusi.
22. Al-Istibshor, Abi Ja'far bin al-Hasan at-Thusi.
23. Al-Kahanah wa at-Tatoiyur, Abu Daud.
24. Muntahal Amal, Syeikh Abas al-Qummi.
25. aburedza. wordpress.com/category/rujukansyiah/ - diterjemahkan pada 15 Jun 2009.
26. Adz-Zari'ah Ila Tashonif al-Syi'ah, Agha Bazrak At-Tohrani.
27. Kitab Ar-Rijal, An-Najjasyi.
28. Kasyfu Al-Mahajjah, Sayyid Radhiyuddin bin Thawus,
29. <http://secondprince.wordpress.com> dan agil-asshofie.blogspot.com/2012/05/
30. Shia-Explained.com Islam Dari Sisi Al-Quran dan Ahlulbait 9 Februari 2012